ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
# Pelita BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"PARA belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baharu, pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran". - Titah Perutusan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, pada 6 Jamadilakhir 1439H / 22 Februari 2018M.

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

DARI Al-Aswad bin Sura'ie bahawasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Setiap anak yang dilahirkan adalah suci maka kedua ibu bapalah yang mencorakkannya sama ada menjadi seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi". (Riwayat Al-Imam At-Tabrani)

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.00 | 5.10 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 6 | 13 JANUARI 2021 / 1442 29 جمادى الأولى | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# Pastikan kepimpinan berdedikasi, berpandangan jauh



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pendidikan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.**

**Oleh : Khartini Hamir**

**BERAKAS**, Selasa, 12 Januari. - Kementerian Pendidikan memerlukan kepimpinan pegawai-pegawai yang berdedikasi, berfikiran bernas dan berpandangan jauh kerana pendidikan sifatnya bukan beku tetapi dinamik dan jika kepimpinan itu jumud dan lebih menggemari pentadbiran bersantai, maka akan lemahlah pendidikan itu.

Ini kerana, Kementerian Pendidikan adalah salah sebuah kementerian terbesar dalam kerajaan, di mana visi dan misinya tertumpu kepada untuk memberikan pendidikan yang berkualiti yang mampu untuk merealisasikan aspirasi negara mencapai Wawasan 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pendidikan, pagi tadi.

Ke muka 2

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

## STATISTIK TERKINI COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 12 JANUARI 2021, 4.30 petang

| | |
|---|---|
| JUMLAH KES JANGKITAN | 174 |
| JUMLAH KEMATIAN | 3 |
| JUMLAH KES YANG SEMBUH | 153 |

www.moh.gov.bn
MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM
MOHBRUNEI
TALIAN NASIHAT COVID-19 148

## Perutusan takziah berikutan nahas kapal terbang Sriwijaya Air SJ182

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Joko Widodo, kerajaan dan rakyat Republik Indonesia berikutan dengan tragedi nahas kapal terbang Sriwijaya Air SJ182 yang terhempas di Laut Jawa dan mengorbankan seramai 62 orang penumpang termasuk anak buah kapalnya pada 9 Januari 2021.

BRUNEI DARUSSALAM 2021

IKUTI KAMI DI
APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

## Berita Utama



COVID-19: 1 kes baharu disahkan Muka 7




AMALAN jariah fokus utama Kumpulan Meraih Barkah Muka 28

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217 Faksimile : 2381004 Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Pelita Brunei

# Teliti semula sistem, hentikan kronisme

Oleh : Khartini Hamir

**BERAKAS**, Selasa, 12 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengenai berlakunya kepincangan dalam Sistem Pendidikan Negara (SPN), di mana apakah sudah ada sebarang rancangan atau pemikiran untuk mengkaji semua dan memperbaikinya berdasarkan sistem ini merupakan duplikasi sistem pendidikan orang lain.

Di bawah sistem yang ada ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan, boleh dianggap ada berlaku kepincangan, yang mana penuntut-penuntut hanya perlu mencapai peratus kedatangan untuk naik kelas walaupun markah peperiksaan sangat rendah atau gagal.

"Semasa Ekspo Pengajian Tinggi sekitar awal bulan Februari 2020, ada didapati dari kalangan penuntut yang masih lemah atau tidak lancar membaca dan bahkan tidak faham mengenai mata pelajaran yang pernah diajarkan.

"Kepincangan lain jika berlaku, iaitu seperti memberikan pengecualian pada mana-mana pihak untuk tidak mengikut atau memakainya, sedang di dalam sekolah atau pusat pengajian itu ada orang Brunei anak tempatan belajar di dalamnya," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi.

Malahan, Kebawah DYMM turut mengemukakan persoalan mengenai sejauh manakah sistem ini mampu untuk menerapkan sivik dan etika Melayu Islam Beraja (MIB) di kalangan penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah.

Ke muka 4

# Pastikan kepimpinan berdedikasi, berpandangan jauh

Dari muka 1

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggariskan kementerian berkenaan menangani dua bahagian aliran, iaitu Bahagian Pendidikan Teras dan Bahagian Pendidikan Tinggi dengan 14 buah jabatan dan unit adalah di bawah Pendidikan Teras, sementara 11 buah jabatan dan unit lagi di bawah Pendidikan Tinggi, dan kedua-dua bahagian ini masing-masing di bawah kendalian dan pengawasan Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap yang berkenaan.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pendidikan Teras lebih menumpukan kepada pemantauan hala tuju peringkat rendah dan menengah, sementara Pendidikan Tinggi pula memantau hala tuju peringkat tinggi dan vokasional di dalam dan di luar kerajaan.

Sebab itu, tegas Kebawah DYMM, dalam menjalankan urus tadbir pendidikan, sangat diperlukan orang-orang yang mempunyai peribadi yang baik dan aktif menggalas semua jenis kerja yang menjadi tanggungjawabnya termasuk jika ada keperluan akan turun ke bawah menemui anak buahnya.

"Beta turut mengetahui perkara ini ada dilakukan oleh pihak atasan kementerian bagi melawat dan melihat-lihat keadaan sekolah-sekolah di seluruh negara. Lawatan juga termasuk mengadakan sesi dialog secara bersemuka dengan pemimpin-pemimpin sekolah.

"Cara ini memang bagus tetapi ada kalanya tidak disukai oleh setengah pegawai dan kakitangan kerana pihak atasan itu sering-sering menegur secara terbuka. Namun sebilangan yang lain pula mengambil positif teguran-teguran tersebut dengan menganggapnya sebagai mampu untuk membuka minda memperbaiki keadaan," titah baginda lagi.

Namun, titah baginda, banyak lawatan-lawatan seperti ini dilakukan secara tertutup tanpa liputan media massa, dan ianya dilihat sebagai bagus kerana dengan serbi-serbi ada liputan, mungkin sahaja tujuannya untuk menunjuk-nunjuk sekalipun yang diliput itu hanya perkara yang kurang atau tidak penting.

Dalam titah, baginda selamanya menghargai kepimpinan yang telus dan sikap pemedulian yang tinggi, namun baginda menegaskan sebarang isu yang berbangkit memang wajar dilihat dengan teliti untuk mendapatkan fakta yang betul bagi menyokong mana-mana jua keputusan yang akan diambil, justeru baginda menyarankan agar janganlah rimas jika ada ketua yang bersikap seperti itu.

Sebaliknya menurut titah baginda lagi, yang patut dielakkan ialah jika pegawai atasan itu hanya pandai untuk menekan pegawai-pegawai bawahannya bagi memenuhi kehendak atau kemahuannya atau dengan cara yang licik menanam pengaruh kepada pegawai-pegawai melalui amalan-amalan kronisme.

Kerana dengan etika yang buruk seperti ini titah baginda, macam-macam perkara yang boleh berlaku, seperti contohnya, jika ketua mewakilkan seseorang untuk menghadiri satu-satu mesyuarat atau sesi lawatan kerja tetapi pegawai yang diwakilkan itu gagal untuk memberikan maklum balas kepada ketua tentang apa-apa yang berbangkit dari mesyuarat atau lawatan yang dihadirinya.

Jika ini benar berlaku tegas baginda, bererti satu penggelapan telah dibuat yang menyalahi disiplin kerja berpasukan atau pemesongan membelakangi ketua.

"Jika cara ini menjadi tradisi, nescaya kepincangan-kepincangan yang tidak diingini akan melanda kementerian seperti jentera pentadbiran akan boleh sahaja terganggu atau tidak lancar dan seumpamanya," titah baginda lagi.

Selain itu, baginda juga bertitah membangkitkan persoalan mengenai perancangan-perancangan Kementerian Pendidikan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 di sebalik terdapat banyak isu-isu yang perlu dilihat secara bersama-sama untuk dikaji dan ditangani.

Terdahulu, baginda menjelaskan untuk merealisasikan aspirasi negara mencapai Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pendidikan diperuntukkan dengan sejumlah besar peruntukan sebanyak lebih daripada 753 juta bagi tahun kewangan 2020-2021 dan ia meningkat dari peruntukan tahun-tahun kewangan yang sudah-sudah.

"Tiga objektif telah digariskan oleh kementerian ini seperti berikut : untuk mengubah pengurusan tenaga manusia ke arah budaya yang lebih menjurus kepada pencapaian *performance driven culture.* Memberikan peluang yang sama rata bagi mendapatkan pendidikan berkualiti dan meningkatkan akauntabiliti bersama-sama dengan *stakeholders* dalam perkembangan pengajaran dan pembelajaran," titah baginda lagi.

## Dari Sidang Pengarang.

13 JANUARI 2021 BERSAMAAN 29 جمادى الأول 1442

### JANGAN AMBIL RINGAN PERINTAH, ARAHAN KERAJAAN!

**TAHUN** 2020 sudah melabuhkan tirainya namun perang COVID-19 di seluruh dunia dijangka berlarutan dengan pelbagai cabaran getir pada tahun 2021 termasuk ancaman varian baharu.

Paling membimbangkan, pelbagai varian baharu COVID-19 yang muncul di United Kingdom (UK), yang dilaporkan sudah merebak ke negara lain termasuk Amerika Syarikat, China dan Singapura.

Di UK, varian baharu COVID-19 yang dikenali sebagai B117 dilaporkan 70 peratus lebih mudah merebak dilaporkan juga mengalami mutasi. Varian baharu ini dilaporkan sudah dikesan di Amerika Syarikat dan Kanada.

Afrika Selatan juga mengenal pasti varian baharu coronavirus, dirujuk sebagai '501Y.V2'. Antara 80 peratus hingga 90 peratus kes baharu COVID-19 di negara itu mengandungi varian mutan tersebut. Nigeria juga melaporkan varian baharu COVID-19.

Justeru, orang ramai terus diingatkan untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika berasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian.

Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuat kuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

Mungkin ada yang berasa lega dengan berita pengeluaran vaksin, namun itu bukanlah bermakna kita sudah boleh ambil ringan akan segala peraturan dan arahan yang masih berkuat kuasa.

Menurut Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas baru-baru ini, untuk vaksinasi, Kementerian Kesihatan telah pun menandatangani dengan COVAX melalui Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk 50 peratus penduduk untuk vaksin COVAX.

"Alhamdulillah, dalam keadaan kita yang terkawal dibandingkan dengan negara lain yang masih banyak menerima atau tiap hari mendapati pesakitnya bertambah, kematian pesakit pun bertambah, jadi vaksin lebih diperlukan di sana, jadi dengan keadaan kita mempunyai keupayaan untuk menunggu dan tidak tergesa-gesa," jelas Yang Berhormat.

Semestinya, memerangi musuh senyap ini pastinya lebih berhasil dengan gabungan suntikan vaksin di samping mematuhi segala peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Dan ia, berbalik kepada diri kita sendiri.

Ini kerana kitalah yang harus memainkan peranan, tanggungjawab bukan sahaja untuk menjaga diri bahkan juga untuk keluarga kita sendiri. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 31 25 °C | 30 25 °C | 30 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 25 °C | 30 25 °C | 30 25 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 25 °C | 30 25 °C | 30 25 °C |
| KUALA BELAIT | 31 25 °C | 30 25 °C | 30 25 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi JANUARI | HARI | Hijrah JAMADILAWAL | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | RABU | 29 | 5.00 | 5.10 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 14 | KHAMIS | 30 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 15 | JUMAAT | 1 JAMADILAKHIR | 5.01 | 5.11 | 6.34 | 6.57 | 12.31 | 3.52 | 6.26 | 7.39 |
| 16 | SABTU | 2 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 17 | AHAD | 3 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 18 | ISNIN | 4 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.32 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |
| 19 | SELASA | 5 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.58 | 12.32 | 3.54 | 6.27 | 7.40 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998
(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123
NDMC 2380214

# Kementerian Pendidikan tarik perhatian Kebawah DYMM




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pendidikan.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hamzah Mohidin, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS,** Selasa, 12 Januari. - Kementerian Pendidikan kali ini menarik perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk Keberangkatan Tidak Berjadual ke kementerian tersebut, pagi tadi.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Pada lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat meninjau ke beberapa bahagian dan unit di Kementerian Pendidikan, di mana baginda memulakan lawatan ke Jabatan Perkembangan Kurikulum, yang menempatkan Unit Sains; Unit Penerbitan; Unit Teknologi Maklumat; Unit Seni Kreatif dan Teknologi; dan Unit Vokasional dan Teknikal.

Ke muka 4

# Pastikan pencapaian pelajar, sekolah membanggakan

**BERAKAS**, Selasa, 12 Januari. - Segala jenis projek, sama ada lama ataupun baharu, semua itu mustahak untuk dikenal pasti adakah ia menepati nilai-nilai etika dan semangat Melayu Islam Beraja (MIB).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pendidikan, di sini, bertitah menekankan mengenai pencapaian sekolah-sekolah di bawah Projek International School Leaders (ISL) yang dikhabarkan belum dapat dibanggakan.

"Mengenai Projek ISL baik juga ditinjau-tinjau kerana ada khabar sekolah-sekolah yang dipimpin oleh ISL, seperti Sekolah Sukan, Sekolah Menengah Masin dan Sekolah Rendah Pusar Ulak belum dapat dibanggakan pencapaiannya, sekalipun pemimpin yang dianggap mempunyai kepakaran, sering-sering memberikan tekanan berlebihan kepada guru-guru tempatan dengan projek-projek baharu," tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Isu sekolah, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, memang mencabar kerana itu, ia perlu diberikan penumpuan istimewa berikutan ketidakmampuan Unit Pendidikan Khas (UPK) untuk menangani keramaian murid justeru baginda menekankan agar isu tersebut diberi tindakan yang cepat.

"UPK dikatakan tidak mampu untuk menangani keramaian murid-murid yang saban tahun meningkat atau bertambah sehingga ada terdapat sebilangan murid dimasukkan atau ditumpangkan ke dalam kelas-kelas biasa sekolah-sekolah di Daerah Tutong.

"Ini kerana, pusat pembelajaran khas telah penuh sedang sekolah-sekolah rendah yang berkenaan itu juga tidak mempunyai guru-guru pendidikan khas yang sekali gus menyukarkan bagi guru-guru biasa untuk mengajar murid-murid berkeperluan khas, bahkan jumlah guru-guru di bawah UPK sendiri juga adalah kurang tetapi tidak dapat menampung keramaian murid-murid, kalaulah perkara ini benar, maka setentunya memerlukan tindakan yang cepat," tegas baginda lagi.

Baginda juga menekankan agar program-program pendidikan yang memerlukan supaya lebih dipantau kerana didapati beberapa program itu mengalami kepincangan - kepincangannya, seperti Program MISC Learning Lab.

Menurut baginda lagi, pejabat bagi program ini telah pun dikosongkan, memberikan gambaran berlakunya kepincangan dalam melaksanakannya.

Kemudian, Program Whole School ICT Development (WSID) dalam masa berlaku penularan wabak Coronavirus, di bawah program ini titah baginda, masih terdapat kesukaran menyampaikan pengajaran dan pembelajaran, oleh itu, ini juga memerlukan pemerhatian.

Baginda juga turut mempersoalkan mengapa insiatif Program Model School ditutup atau diberhenti sekalipun ia dikatakan salah satu inisiatif di bawah Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21).

Program PAAKS ICT Certifications pula menurut baginda, maklumat ber*filing* peserta dikatakan tidak dapat digunakan, bahkan tidak ada dalam simpanan kementerian.

"Program guru-guru perkhidmatan CfBT (Centre for British Teachers) juga dikatakan setakat ini keputusan pelajar masih belum dapat dibanggakan. Maka ia juga memerlukan perhatian," titah baginda.

Selain itu, titah baginda lagi, juga terdapat beberapa projek dan program bagi meningkatkan mutu pembelajaran dan pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh kementerian, antaranya Projek Integrated National Education Information System (INEIS), Literacy and Numeracy Coaching Program (LNCP) dan School Based Assessment (SBA), di mana baginda ingin tahu adakah projek dan program itu memberi impak yang positif atau hanya menambahkan lagi beban tugas para guru atau pengajar, perkara tersebut juga perlu lagi dikaji.

Turut menarik perhatian baginda ialah baginda mempersoalkan bilakah lagi masanya untuk Universiti Brunei Darussalam (UBD) mentadbir sendiri hal ehwal pendidikan tanpa turut bergantung kepada mana-mana pihak dari luar Brunei.

"Satu diingat perkara dasar dan sistem serta lain-lain yang mana berasaskan umur kemerdekaan Negara Brunei Darussalam telah memasuki ambang dewasanya dan demikian juga pusat pengajian kita UBD.

"Pada khususnya, sudah hampir menyamai umur kemerdekaan. Maka apakah belum lagi masanya untuk ia berdikari menguruskan dirinya sendiri mentadbir hal ehwal pendidikan tanpa turut bergantung kepada mana-mana pihak dari luar Brunei, setakat inilah sahaja, namun bukan bererti ini saja permasalahan yang perlu diperhatikan," tegas baginda sebelum mengakhiri titah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pendidikan.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang hadir.

Pelita BRUNEI







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat meninjau ke beberapa bahagian dan unit di Kementerian Pendidikan (kiri dan kanan).**

**Dari muka 3**

Dengan visinya, 'Pendidikan Bermutu Negara Dinamik', Kementerian Pendidikan komited menyediakan kualiti pendidikan yang saksama bagi generasi akan datang yang dipandu dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) dan melengkapkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran Abad Ke-21.

Sebagai organisasi profesional dan dinamik, Kementerian Pendidikan menyediakan program-program pendidikan yang holistik dengan kurikulum yang relevan dan bermanfaat serta responsif terhadap keperibadian pelajar.

Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 - 2022 menggariskan tiga objektif strategik bagi mencapai visi dan misinya, iaitu mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi; menyediakan akses yang saksama kepada pendidikan berkualiti; dan melibatkan pihak yang berkepentingan bagi perkongsian akauntabiliti dalam kemajuan pembelajaran pelajar.

**Ke muka 5**







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke kementerian tersebut (atas, kanan dan bawah kanan).**

# Teliti semula sistem, hentikan kronisme

**Dari muka 2**

Soal baginda, adakah mata-mata pengajaran MIB masa ini sudah mencukupi untuk memberikan kesedaran sivik?

Tidak diragukan lagi, tegas baginda, perkara ini juga memerlukan kajian.

Bertitah mengenai perubahan tempoh pembayaran balik Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP), baginda menyarankan supaya peraturan tersebut diteliti dengan lebih mendalam.

"Terdapat laporan pada Julai 2018, mengenai perubahan tempoh pembayaran balik SBPP. Sebelum ini pembayaran balik skim hanya akan dibuat setelah menerima mula bekerja tetapi pada ketika ini, Kementerian Pendidikan dikatakan telah mengeluarkan arahan baru untuk menerima skim dikehendaki membayar semula pinjaman bermula pada tarikh menerima sijil ijazah dengan dikenakan juga *interest* sebanyak 3 peratus. Beta mahu supaya peraturan ini juga diteliti lagi dengan lebih mendalam," tegas baginda lagi.

Baginda seterusnya bertitah turut menyentuh tentang ada juga didapati sikap pilih kasih atau unsur kronisme telah dan sedang berlaku dalam pemilihan penjawat bagi jawatan-jawatan kanan di dalam kementerian.

"Jika benar ini berlaku, seyogia ianya mesti dihentikan," tegas baginda lagi pada Keberangkatan Tidak Berjadual pagi tadi ke Kementerian Pendidikan, di sini.







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Pendidikan.**

**Dari muka 4**

Dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035, strategi pendidikan program-program menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan meluaskan akses kepada pendidikan tinggi dan pendidikan berkualiti melalui kepelbagaian laluan dan memenuhi pelbagai keperluan pembelajaran untuk para pelajar.

Selain itu, negara juga sudah mencapai sasaran matlamat pembangunan milenium dalam kadar literasi, sepanjang lebih dari 100 tahun pendidikan formal dilaksanakan di negara ini, Sistem Pendidikan Negara (SPN) amat menitikberatkan pendidikan sepanjang hayat selaras dengan Perintah Pendidikan Wajib yang diperkenalkan pada tahun 2007.

Kebawah DYMM mengakhiri lawatan tersebut dengan berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.

**Ke muka 6**






**KEBAWAH DYMM berkenan berangkat meninjau ke beberapa bahagian dan unit di Kementerian Pendidikan (kiri dan kanan).**



**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama warga Kementerian Pendidikan (atas dan kanan).**








**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama warga Kementerian Pendidikan semasa Keberangkatan Tidak Berjadual ke kementerian tersebut (atas). Manakala gambar kanan, baginda berkenan berinteraksi dan seterusnya meninjau di salah satu bahagian.**

**Dari muka 5**

Antara yang hadir sepanjang Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke kementerian berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di JPM dan Kementerian Pendidikan.






**ANTARA unit dan bahagian di Kementerian Pendidikan yang menjadi tumpuan lawatan baginda (kiri dan kanan).**






**KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani Lembaran Kenangan (kiri). Manakala gambar kanan, baginda berkenan bergambar ramai bersama warga Kementerian Pendidikan.**

# Berkenan menerima mengadap





Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kiri dan atas).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Setiausaha Agung ASEAN antara lainnya membincangkan mengenai persediaan Sidang Kemuncak ASEAN dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan yang akan dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam secara maya pada tahun ini.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

# COVID-19 : 1 kes baharu disahkan




**YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) berucap pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri).**

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Selasa, 12 Januari. - Satu kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 174 orang.

Kes 174, seorang lelaki berumur 28 tahun, yang tiba ke negara ini pada 30 Disember 2020 dari India dengan menaiki penerbangan BI4112 dan tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan dan pada masa ini sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan.

Dalam Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar memaklumkan, pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi kes ini sedang giat dijalankan.

Dengan pengesanan kes baharu ini, terdapat 18 kes aktif menurut Yang Berhormat, sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan satu kes yang sebelum ini telah dimasukkan ke Unit Penjagaan Intensif bagi pemantauan dan rawatan rapi beransur pulih dan sekarang sedang dirawat di wad perubatan di pusat berkenaan. Kesemua pesakit adalah dalam keadaan yang baik.

Yang Berhormat menambah, dengan pengesanan kes-kes baharu ini, sebanyak 33 kes import lagi disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020, di mana negara ini mencatatkan 251 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

"Pada hari ini, seramai 593 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 11,096 orang menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan - kemudahan berkenaan.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 235 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 85,871 ujian," jelas Yang Berhormat lagi.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



# Terus amalkan tanggungjawab sosial masing-masing



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Selasa, 12 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing semasa pandemik ini.

Orang ramai adalah juga disarankan untuk sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan memastikan mereka tidak melanggar peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan semasa pandemik COVID-19 ini, termasuk tidak menyeberangi sempadan ke negara jiran melalui jalan-jalan tikus ataupun jalan-jalan penyeludupan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menekankan perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Sehubungan dengan ini, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai perjalanan atau aktiviti di sempadan melalui jalan-jalan yang disebutkan di atas hendaklah memaklumkannya kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dengan segera.

# Kementerian Kesihatan laksana kaji selidik vaksin COVID-19

**BERAKAS**, Selasa, 12 Januari. - Kementerian Kesihatan akan melaksanakan satu kaji selidik kebangsaan mengenai penerimaan orang ramai terhadap penggunaan vaksin COVID-19 bermula dari 15 sehingga 28 Januari 2021.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengumumkan perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya mengatakan, kaji selidik berkenaan akan dibukakan kepada orang ramai yang berumur 18 tahun ke atas melalui aplikasi BruHealth.

Hasil kaji selidik tersebut tambah Yang Berhormat, akan dapat membantu Kementerian Kesihatan dalam merancang kaedah yang terbaik bagi melaksanakan program vaksinasi COVID-19 di NBD.

Menurut Yang Berhormat lagi, ia juga akan membantu dalam memastikan program vaksinasi tersebut akan dapat berjalan dengan baik dan lancar apabila ia dimulakan nanti.

Penyertaan orang ramai dalam kaji selidik ini ujar Yang Berhormat, nanti adalah sangat dialu-alukan dan kerjasama orang ramai adalah sangat dihargai. Semua jawapan atau respons yang diberikan akan dirahsiakan dan tidak akan menjejaskan warna kod BruHealth peserta-peserta kaji selidik.

Sementara itu, dalam sesi soal jawab bersama pengamal media tempatan mengenai keberkesanan vaksin tersebut, Yang Berhormat menjelaskan, ia masih terlalu awal dan untuk memastikan keberkesanannya memerlukan jumlah peratus penduduk yang ramai, di mana mengikut penilaian memerlukan sekurang-kurangnya 70 peratus penduduk di sesuatu tempat mesti di vaksinasi untuk melihat sama ada penularan dapat dikawal atau tidak.

Menyentuh mengenai tempat penyimpanan vaksin Pfizer pula, Yang Berhormat berkata, ia memerlukan tempat penyimpanan -70 Degree Celsius dan oleh sebab masalah-masalah logistik seperti ini pihak kementerian belum lagi memperolehnya.












# Syarat pertimbangan keluar, masuk negara dikemas kini



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Selasa, 12 Januari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan memaklumkan mengenai beberapa pengemaskinian terhadap syarat-syarat bagi pertimbangan keluar dan masuk negara melalui pos-pos kawalan darat dan laut akan dilaksanakan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata demikian semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, berikutan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia yang akan bermula pada Rabu, 13 Januari 2021 selama dua minggu dan Pengisytiharan Proklamasi Darurat yang diumumkan pada hari ini, kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu yang dibuat oleh *runners* yang berdaftar di NBD adalah ditangguhkan buat sementara selama dua minggu.

Kebenaran kemasukan warganegara asing dari Malaysia, termasuk pejalan transit melalui pos-pos kawalan darat dan laut ke NBD tambah Yang Berhormat, adalah juga ditangguhkan buat sementara waktu selama dua minggu.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan, hanya pemandu serta penumpang kenderaan - kenderaan perkhidmatan kecemasan, seperti ambulans, polis dan tentera; dan urusan rasmi kerajaan serta kenderaan-kenderaan komersial (*transport operators*) bagi penghantaran bekalan makanan import ke NBD dan barangan mustahak (*essential goods*) yang lain sahaja dibenarkan untuk masuk ke negara ini dengan syarat-syarat kemasukan yang sedia ada.

Kebenaran bagi keluar dan masuk negeri secara ulang alik (*commuters*) melalui pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan ujar Yang Berhormat, adalah juga ditangguhkan buat sementara selama dua minggu dan mereka yang berkenaan adalah dinasihatkan untuk menetap buat sementara waktu di tempat, di mana mereka bertugas ataupun mengambil cuti selama tempoh kebenaran ditangguhkan.

Bahkan ujian saringan *surveilans* SARS-COV2-RT-PCR bagi *transport operators*, sama ada yang berdaftar di NBD atau warga asing yang berdaftar di Malaysia yang dibenarkan masuk bagi tujuan penghantaran bekalan makanan serta *essential goods* ke NBD kata Yang Berhormat, akan dikerapkan daripada sekali dalam masa dua minggu kepada sekali dalam masa seminggu.

Pengemaskinian syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas tegas Yang Berhormat, adalah berkuat kuasa mulai Rabu, 13 Januari 2021 dan prosedur-prosedur ini adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa.

"Dalam kesempatan ini, orang ramai adalah diingatkan untuk tidak leka dalam mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing bagi sama-sama membendung penularan wabak COVID-19 ini, dan adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuat kuasa semasa pandemik COVID-19 ini seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204)," tekan Yang Berhormat lagi.

Sementara itu, dalam sesi soal jawab bersama pengamal media tempatan mengenai kemasukan pekerja asing yang telah balik ke negara mereka, Yang Berhormat menjelaskan, jawatankuasa ada mempertimbangkan bagi mereka yang tertangguh perjalanan untuk balik ke NBD kerana COVID-19.

Tambah Yang Berhormat, mereka dibenarkan untuk balik bekerja di sini dengan mengikuti prosedur-prosedur yang diaturkan, iaitu mestilah di*swab*, dan membayar tiket mereka sendiri, di samping mengikuti semua protokol dan peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

# Konsep dakwah mesti berterusan



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan Ceramah Khas pada Program Multaqa Da'ie Bersama Mufti.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Dalam usaha mempertajamkan dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah merancang beberapa program dan antara program berkenaan ialah Program Multaqa Da'ie Bersama Mufti, yang memfokuskan dalam pemerkasaan para da'ie dengan kaedah-kaedah dakwah berkesan bagi menghadapi pelbagai lapisan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.

Program berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie, hari ini, di sini.

Hadir selaku penceramah khas majlis ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Timbalan Setiausaha Tetap KHEU; Penolong Mufti (Buhuth); Pemangku Penolong Mufti (Ifta') dan Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Dalam Ceramah Khas bertajuk 'Melahirkan Da'ie Berkaliber' yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, antara lain menggariskan konsep dakwah mesti berterusan dan tidak boleh berhenti kerana naluri manusia memerlukan dakwah, adapun tugas dakwah, bukanlah tugas yang khusus untuk nabi sahaja, bahkan untuk semua pihak yang berkewajipan untuk menyeru kepada kebaikan.

Yang Berhormat juga menekankan mengenai Dakwah Bil Lisan kerana ia adalah yang lebih diperlukan pada masa ini mengikut fenomena dan peredaran masa.

Ada tiga pendekatan berkesan yang digariskan oleh Yang Berhormat antaranya ialah memastikan kandungan isi dakwah yang disampaikan benar-benar diperlukan oleh masyarakat; seterusnya, penampilan yang selayaknya perlu ada dan akhir sekali, pastikan cara penyampaian adalah benar-benar menarik.

Dengan adanya ketiga-tiga pendekatan ini, menurut Yang Berhormat, tidak ada sebab untuk menjadikan dakwah lemah dan tidak berkesan.

Selain itu, program berkenaan diadakan adalah bagi menjunjung hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu bagi melahirkan penceramah-penceramah tempatan yang berkaliber.

Objektif program diadakan adalah bagi memberikan suntikan semangat kepada pegawai-pegawai PDI untuk menghadapi cabaran dakwah masa kini, menyediakan wadah para da'ie untuk bersemuka dengan Mufti Kerajaan dalam menimba ilmu serta memantapkan kredibiliti pegawai-pegawai PDI dan da'ie-da'ie yang berkecimpung dalam arena dakwah.

Peserta program terdiri daripada imam-imam, pensyarah-pensyarah UNISSA, KUPU SB, pegawai-pegawai di bawah KHEU, Jabatan Mufti Kerajaan, guru-guru ugama, da'ie-da'ie bertauliah, belia-belia da'ie, belia-belia syahadah, Kumpulan Al-Minhaaj Centre serta pesara kerajaan yang masih aktif dalam dakwah.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kanan) semasa hadir pada program tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Mufti Kerajaan selaku penceramah khas majlis.

Terdahulu, Program Multaqa Da'ie Bersama Mufti tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Ugama, PDI, Awang Muhammad Nasyith bin Superi dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh dan diikuti dengan Ceramah Khas oleh Mufti Kerajaan.

Program Multaqa Da'ie Bersama Mufti ini diharapkan dapat mendatangkan manfaat bagi meningkatkan kualiti penyampaian ceramah dan dengannya, dakwah di negara ini akan bergerak lebih maju seiring dengan keperluan semasa.



ANTARA yang hadir pada Program Multaqa Da'ie Bersama Mufti yang diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

# Sharih dan Kinayah dalam Shighah Ila'

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

ILA' bererti sumpah. Ia bermaksud sumpah seorang suami yang sah talaqnya untuk tidak menyetubuhi isterinya sama ada secara mutlak (tidak menetapkan tempoh) atau dalam tempoh melebihi empat bulan.

Perkataan "suami yang sah talaqnya" bererti orang yang boleh menjatuhkan talaq dan diterima talaqnya. Maka dari itu tidak diterima *Ila'* daripada orang yang tidak sah talaqnya seperti kanak-kanak, orang gila atau orang yang dipaksa.

Menurut ulama, penetapan tempoh melebihi empat bulan dalam perkara *Ila'* ini adalah kerana tahap kesabaran seorang isteri terhadap suaminya adalah dalam kadar empat bulan sahaja. Sekiranya melebihi daripada kadar empat bulan, penderitaan yang ditanggung isteri menjadi sangat berat lalu hilang atau berkuranglah kesabarannya itu.

Amalan *Ila'* ini sudah diamalkan pada zaman jahiliyyah lagi. Pada zaman tersebut, apabila seorang suami marah kepada isterinya, dia akan bersumpah untuk tidak menyetubuhinya untuk suatu tempoh yang sangat panjang sehingga membawa kepada beberapa tahun bahkan ada yang langsung tidak lagi menyetubuhi isterinya. Maka terbiarlah para isteri yang dikenakan *Ila'* itu dalam keadaan tergantung-gantung. Dengan makna yang lain, dia tidak mendapat hak yang sepatutnya yang wajib dinikmati oleh seorang isteri dan dia tidak juga diceraikan supaya dia bebas berkahwin dengan lelaki lain.

Namun setelah kedatangan agama Islam, syara' menyelamatkan golongan wanita daripada amalan yang zalim ini lalu mengubah *Ila'* zaman jahiliyyah itu kepada *Ila'* sepertimana istilah syara' di atas, iaitu dengan menggariskan beberapa hukum tertentu yang bertujuan untuk melepaskan golongan wanita daripada kezaliman atau kemudharatan yang berterusan disebabkan *Ila'*.

Asal bagi ketentuan hukum Ila' ini adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

**Tafsirnya :** *"Bagi orang-orang yang melakukan Ila' (bersumpah tidak akan mencampuri) isteri-isteri mereka, diberi tempoh selama empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampuri mereka) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih. Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talaq, maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."*

(Surah al-Baqarah: 226-227)

### Hukum Ila'

Menurut hukum syara', *Ila'* adalah haram sehinggakan terdapat sebahagian ulama antaranya Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* menganggapnya sebagai al-kaba'ir iaitu dosa-dosa besar. Bagaimanapun, kebanyakan ulama hanya mengkategorikannya sebagai *ash-shagha'ir* sahaja iaitu dosa-dosa kecil dan ini adalah pendapat muktamad sebagaimana disebutkan dalam kitab I'anah ath-Thalibin dan lainnya.

Adapun sebab ia dinilai haram adalah kerana perbuatan tersebut menyakiti, menzalimi dan melakukan mudharat terhadap isteri serta menghalang daripada *istimta'* (bersenang-senang antara suami isteri) yang dibenarkan syara'. Atas sebab ini, syara' menyediakan jalan keluar daripadanya.

### Rukun-Rukun Ila'

Secara ringkasnya, terdapat enam rukun dalam perkara *Ila'* iaitu:

(i) Suami.

(ii) Isteri.

(iii) *Al-mahluf bihi*, iaitu sama ada dengan:

(a) Bersumpah dengan nama Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau dengan salah satu daripada sifat-sifatNya, atau

(b) Dia men*ta'liq*kan (mengaitkan) keengganannya bersetubuh dengan isterinya itu dengan suatu amalan seperti dengan berkata: *"Sekiranya aku menyetubuhimu, maka demi Allah wajib atasku menunaikan haji"*, atau

(c) Dia men*ta'liq*kannya dengan talaq atau memerdekakan hamba seperti berkata: *"Jika aku menyetubuhimu nescaya merdekalah hambaku."*

(iv) *Al-mahluf 'alaihi* iaitu keengganan untuk menyetubuhi isteri yang halal disetubuhi.

(v) *Al-muddah* (tempoh *Ila'*) iaitu hendaklah melebihi empat bulan sekalipun tanpa menyatakan tempoh.

(vi) *Ash-shighah* iaitu lafaz *Ila'*.

### Kesan Apabila Berlaku Ila'

Sekiranya suami bersumpah untuk tidak menyetubuhi isterinya secara mutlak tanpa menyebutkan tempoh atau bagi suatu tempoh melebihi daripada empat bulan, dan ia menepati kesemua rukun di atas berserta syarat-syaratnya, maka sabit dan bermulalah *Ila'* itu.

Dalam tempoh *Ila'* itu, si suami boleh memilih sama ada hendak:

(i) Kembali menyetubuhi isterinya, atau

(ii) Menjatuhkan talaq.

Jika si suami memutuskan untuk melakukan mana-mana satu daripada dua pilihan ini, maka dengan sendirinya terlerailah *Ila'* itu.

Sekiranya dalam tempoh tersebut si suami tidak juga kembali menyetubuhi isterinya serta tidak juga menjatuhkan talaq, maka selepas berlalu empat bulan, si isteri berhak untuk mengadu kepada qadhi atau hakim untuk melepaskan dia daripada mudharat yang dikenakan atasnya oleh suaminya itu dengan salah satu daripada perkara di bawah ini:

(i) Menuntut suami untuk melakukan *fai'ah* iaitu kembali menyetubuhi isterinya.

(ii) Meminta dijatuhkan talaq sekiranya suaminya tetap dengan pendiriannya untuk tidak menyetubuhinya.

Sekiranya suami memilih untuk melakukan *fai'ah*, sama ada atas kemahuan sendiri, atau setelah berlaku tuntutan daripada isteri, maka hendaklah diperhatikan perkara berikut:

(i) Si suami diwajibkan untuk membayar kaffarah sumpah sekiranya dia bersumpah dengan nama Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atau sifat-sifatNya.

Ini bereti, *kaffarah* sumpah itu tetap perlu dibayar dan ditunaikan, tidak kira sama ada perbuatannya kembali menyetubuhi isterinya itu berlaku dalam masa empat bulan dari bermulanya *Ila'* atau sesudah berlalu tempoh tersebut selagimana masih dalam tempoh sumpah.

Kaffarah sumpah itu adalah pilihan sama ada dengan memerdekakan seorang hamba sahaya atau memberi makan sepuluh orang miskin atau fakir atau memberi pakaian kepada mereka dan jika dia tidak mampu, maka hendaklah dia berpuasa tiga hari.

(ii) Sebaliknya, jika dia bersumpah untuk melakukan suatu amalan, umpamanya dia berkata: *"Sekiranya aku menyetubuhimu, maka demi Allah wajib atasku mengerjakan puasa"* maka dia boleh memilih untuk melaksanakan amalan tersebut yakni berpuasa atau membayar kaffarah sumpah.

(iii) Manakala jika dia men*ta'liq*kannya dengan talaq atau memerdekakan hamba, umpamanya dia berkata: *"Jika aku menyetubuhimu nescaya tertalaqlah engkau"* atau dia berkata: *"Jika aku menyetubuhimu nescaya merdekalah hambaku"*, maka dengan sendirinya jatuhlah talaq atau merdekalah hamba tersebut.

Sekiranya suami masih enggan melakukan *fai'ah* serta enggan juga menjatuhkan talaq setelah isteri mengadu kepada qadhi atau hakim, maka menurut qaul *al-Jadid* dan *al-Azhar*, qadhi atau hakim akan menjatuhkan talaq satu antara kedua suami isteri itu.

### Penjelasan serta Contoh Sharih dan Kinayah Dalam Shighah Ila'

*Shighah* atau lafaz *Ila'* merupakan salah satu rukun *Ila'*. Selain ucapan lafaz, *Ila'* juga boleh dilakukan dengan cara penulisan atau menggunakan isyarat bagi orang yang bisu. *Shighah* tetap sah walaupun dilakukan dalam keadaan marah atau dalam keadaan redha.

Ia boleh dilafazkan dalam mana-mana bahasa yang difahami sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Arab atau sebagainya.

*Shighah* atau lafaz *Ila'* tidak sah kecuali dengan lafaz-lafaz yang membawa makna *Ila'* iaitu yang mengandungi makna enggan atau tidak mahu menyetubuhi isteri. Ia terbahagi kepada dua jenis, iaitu lafaz secara *sharih* yakni secara jelas dan terang atau secara lafaz *kinayah* yakni secara kiasan.

(i) Contoh lafaz *Ila'* secara *sharih*:

*"Demi Allah aku tidak akan menyetubuhimu."*

*"Demi Allah aku tidak akan berjimak denganmu selama enam bulan."*

*"Demi Allah aku tidak akan memasukkan seluruh kepala zakarku atau hasyafahku ke dalam farajmu selama-lamanya."*

*"Demi Allah aku tidak akan memecahkan daramu (jika masih dara)"* dan yang seumpamanya.

(ii) Contoh lafaz *Ila'* secara *kinayah*:

*"Demi Allah aku tidak akan menggaulimu."*

*"Demi Allah aku tidak akan mencampurimu selama satu tahun."*

*"Demi Allah aku tidak akan menyenuhmu sampai bila-bila."*

*"Demi Allah aku tidak akan memasukimu."*

*"Demi Allah aku tidak akan mendatangimu."*

*"Demi Allah aku tidak akan membaringkan kepalaku di atas satu bantal denganmu selama lima bulan."*

*"Demi Allah aku akan menjauhkan diri daripadamu selama-lamanya"*, dan seumpamanya.

Dalam lafaz *Ila'* secara *kinayah* ini, disyaratkan supaya ia disertai dengan niat jimak atau setubuh. Ini kerana lafaz-lafaz tersebut boleh disalah erti kerana ia mempunyai maksud yang lain selain setubuh. Sekiranya lafaz *kinayah* itu dimaksudkan selain setubuh, maka suami itu tidak dianggap melakukan *Ila'* terhadap isterinya. Bagaimanapun, dia dikira telah bersumpah untuk tidak melakukan perkara yang disebutkannya dalam lafaz *kinayah*nya itu dan wajib dia membayar kaffarah sekiranya dia melanggar sumpahnya itu.

Selain menggunakan lafaz *kinayah* dalam mengertikan setubuh, kinayah juga ada digunakan dalam menyatakan tempoh *Ila'*. Contohnya:

*"Demi Allah aku tidak akan mendekatimu dalam suatu waktu yang panjang."*

*"Demi Allah aku akan menghilangkan diri darimu buat suatu masa yang panjang"* dan seumpamanya.

Mengenai kinayah dalam penyataan tempoh *Ila'* ini, menurut Imam *asy-Syibramallisi Rahimahullah*, sekiranya tempoh yang dinyatakan secara *kinayah* itu dimaksudkan empat bulan atau kurang daripada itu, maka ia tidak dikira sebagai *Ila'*. Bagaimanapun, sekiranya ia dimaksudkan melebihi daripada tempoh empat bulan, maka lafaz itu dikira sebagai *Ila'*. Sekiranya tidak dimaksudkan sebarang tempoh tertentu oleh suami, maka ia dikira juga sebagai *Ila'* kerana ia boleh membawa maksud tempoh yang panjang atau selama-lamanya.

### Penutup

Demikian penjelasan mengenai *Ila'* serta beberapa perbincangan tentang lafaz *sharih* dan lafaz *kinayah* dalam shighah *Ila'*. Walaupun *Ila'* diperakui dalam Islam dan telah diaturkan hukum-hakamnya yang tertentu, ia perlu dihindari kerana ia satu perbuatan yang menzalimi, menyakiti dan memudaratkan diri orang lain yang tentu sahaja haram di sisi Islam. Apatah lagi yang dizalimi dalam *Ila'* itu tidak lain adalah seorang isteri iaitu pasangan hidup yang telah banyak menaburkan kasih sayang dan mengorbankan banyak masa dan tenaga dalam menjaga dan memelihara rumahtangga. Sekiranya berlaku pertelingkahan atau salah faham, sebaiknya bersabar dan berbincang dengan baik mudah-mudahan akan dibukakan jalan bagi keduanya oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

***MENURUT hukum syara', Ila' adalah haram sehinggakan terdapat sebahagian ulama antaranya Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah menganggapnya sebagai al-kaba'ir iaitu dosa-dosa besar. Bagaimanapun, kebanyakan ulama hanya mengkategorikannya sebagai ash-shagha'ir sahaja iaitu dosa-dosa kecil dan ini adalah pendapat muktamad sebagaimana disebutkan dalam kitab I'anah ath-Thalibin dan lainnya.***

# Wadah perjuangan Sukarelawan Belia



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap.



YANG Berhormat semasa melancarkan Warta Belia Edisi Ke-6 bersempena dengan 300 Hari Penubuhan Sukarelawan Belia.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan satu penghormatan yang tinggi kepada para sukarelawan belia dengan bukan sahaja memberikan elaun, tetapi juga memberikan pengiktirafan di dalam titah-titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai sukarelawan dalam memberikan khidmat semasa COVID-19.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata demikian semasa Majlis Pelancaran Warta Belia Edisi Ke-6 bersempena dengan 300 Hari Penubuhan Sukarelawan Belia, bertempat di Ruang Arena, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Tambah Yang Berhormat, semangat, ketekunan dan komitmen para sukarelawan belia tidak pernah hilang walaupun setitik bermula daripada hari pertama hinggalah ke hari yang ke-300 ini.

Malahan, menurut Yang Berhormat, setitik itu menjadi berpuluh-puluh, beratusan dan beribu titik komitmen para sukarelawan semakin bertambah dan semangat mereka tidak pernah kendur, tidak pernah hilang, tidak pernah lenyap, akan tetapi terus memberikan khidmat bakti kepada negara.

"Tahniah kepada *biskita* dan semoga Allah akan sentiasa memberi biskita petunjuk, hidayah, kekuatan dan pengorbanan yang berterusan dalam tahun 2021 dan seterusnya," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu itu, Ketua Pusat Operasi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Sukarelawan Belia, Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian selaku Pengerusi Majlis, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain berkata, setelah 299 hari sukarelawan belia beroperasi, sejumlah 2,511 orang berdaftar di bawah Sukarelawan Belia, dengan 48,000 pelepasan (*deployment*) sukarelawan dilaksanakan, iaitu mengambil kira purata 143 orang bertugas sehari.

Jelasnya lagi, dengan tugas-tugas dan penglibatan Sukarelawan Belia, walaupun berisiko rendah, langkah-langkah keselamatan tetap diberikan perhatian wajar oleh setiap ketua-ketua bahagian operasi dan sukarelawan yang dilantik bagi memastikan mereka yang bertugas sentiasa peka juga mengikuti prosedur yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat, seterusnya menyempurnakan Pelancaran Warta Belia Edisi Ke-6, diselajurkan dengan Acara Penyerahan Sumbangan daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Penyampaian sumbangan, berupa *vest* dan PPE untuk kegunaan Sukarelawan Belia sewaktu bertugas, disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Operasi BIBD, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan kepada wakil Sukarelawan Belia.

Sukarelawan Belia telah mengeluarkan sejumlah lima edisi Warta Belia, iaitu Warta Belia Edisi 1, yang dikeluarkan pada 25 Jun 2020 bersamaan 3 Zulkaedah 1441H; Warta Belia Edisi 2, yang dikeluarkan pada 2 Julai 2020 bersamaan 10 Zulkaedah 1441H; Warta Belia Edisi 3, yang dikeluarkan pada 13 Ogos 2020 bersamaan 22 Zulhijjah 1441H; Warta Belia Edisi 4, yang dikeluarkan pada 3 Oktober 2020 bersamaan 15 Safar 1442H; dan Warta Belia Edisi 5, yang dikeluarkan pada 28 November 2020 bersamaan 12 Rabiulakhir 1442H.

Kelima-lima edisi ini telah dimuatkan dalam sesawang *http://www.beliasukan.gov.bn/Terbitan/TERBITAN.aspx* yang boleh diakses dengan mudah oleh orang ramai.

Penghasilan Warta Belia Edisi Ke-6 adalah kesinambungan daripada Warta Belia sebelum ini yang merakamkan catatan aktiviti Sukarelawan Belia sejak hari pertama lagi, di mana penghasilan Warta Belia ini diusahakan oleh gabungan tenaga penulis, jurugambar juga pereka grafik, dipimpin oleh Dayang Lenna Norsusilanita binti Bahari, yang juga merupakan penulis utama dan selaku Penolong Ketua Bahagian Media juga Perhubungan Awam Sukarelawan Belia.

300 Hari Sukarelawan Belia adalah hari yang bermakna bagi para sukarelawan kerana perjalanan permulaan pada hari pertama hingga ke hari ini bukanlah mudah. Justeru, Warta Belia menjadi wadah rentetan peristiwa-peristiwa penting perjuangan Sukarelawan Belia.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga para sukarelawan belia.




## COVID-19 : 17 masih dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 173 kes. Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 250 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu. Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 32 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, 17 kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 153 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 627 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 11,054 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 238 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 85,636 ujian. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu *www.moh.gov.bn* atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

**Ringkasan Kes**

| Kes Baru Hari Ini | Jumlah Keseluruhan Kes |
|---|---|
| 0 | 173 |

| Kes Sembuh Hari Ini | Kes Aktif | Kematian | Sembuh |
|---|---|---|---|
| 0 | 17 | 3 | 153 |

| Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 | Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan |
|---|---|
| Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (250 hari yang lalu) | 32 Kes |

**Ringkasan Pengasingan Diri**

| Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori | Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) |
|---|---|
| 627 | 11,054 |

**Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2**

| Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam | Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020) |
|---|---|
| 238 sampel | 85,636 |

# Pantau perkembangan banjir

**TUTONG**, Selasa, 12 Januari. - Berikutan cuaca tidak menentu dan hujan lebat yang berterusan di negara ini menyebabkan paras air naik di kawasan pedalaman Daerah Tutong khususnya di Kampung Benutan.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC) mengadakan mesyuarat di Balai Bomba Lamunin bagi mengaktifkan Pusat Kawalan Insiden (ICP) dan menyelaras bantuan-bantuan yang diperlukan oleh penduduk kampung yang terjejas, hari ini, di sini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin selaku Pengerusi DDMC dan dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Penghulu Mukim Telisai; Ahli-ahli DDMC; pemangku penghulu; ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung yang berkenaan.

Mesyuarat dimulakan dengan Taklimat Bantuan Operasi Banjir disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Daerah Tutong, Mohammad Adi Asnawi bin Awang Adanan, yang antara lain mengongsikan sejak kejadian hujan lebat bermula pada awal Januari, pihak DDMC Daerah Tutong bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung sentiasa membuat pemantauan perkembangan paras air banjir dari semasa ke semasa.

Paras air naik di beberapa buah kampung iaitu Kampung Rambai, Kampung Kuala Ungar, Kampung Panchong, Kampung Bukit, Kampung Layong dan Kampung Penapar disebabkan turunan air sungai dari kawasan pedalaman yang menyebabkan beberapa buah rumah dimasuki air dan beberapa batang jalan raya tidak dapat dilalui oleh kenderaan biasa dan pacuan empat roda.

Setakat ini, sebuah kenderaan trak daripada Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ditempatkan di jalan terjejas bermula pagi tadi iaitu di Jalan Belunu Kampung Layong bagi membantu penduduk-penduduk kampung yang memerlukan bantuan kenderaan.

Waktu bagi bantuan perkhidmatan pengangkutan adalah dari 6.00 pagi hingga 8.00 pagi kemudian dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang dan 4.00 petang hingga 6.00 petang.

Mengakhiri mesyuarat, rombongan Pengerusi DDMC mengadakan tinjauan menggunakan kereta pacuan empat roda ke beberapa buah kawasan yang terjejas.

Sebagai langkah keselamatan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) juga mengadakan rondaan di jalan-jalan kawasan banjir bagi memastikan keselamatan kenderaan penduduk-penduduk kampung yang diletakkan di bahu jalan. Selain itu, papan-papan tanda polis juga dipasang di sepanjang jalan yang dilanda banjir.

Untuk mendapatkan sebarang maklumat atau bantuan, ICP boleh dihubungi menerusi nombor talian +673 4237350.

Dalam kesempatan ini, pihak DDMC Daerah Tutong mengingatkan kepada penduduk-penduduk kampung dan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa banjir ini dan sentiasa memantau anak-anak mereka supaya tidak bermain di kawasan banjir bagi keselamatan bersama.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman



MESYUARAT Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong (DDMC) dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



MESYUARAT tersebut diadakan bagi mengaktifkan Pusat Kawalan Insiden (ICP) dan menyelaras bantuan-bantuan yang diperlukan oleh penduduk kampung yang terjejas.



ROMBONGAN Pengerusi DDMC melawat ke salah sebuah rumah yang terjejas akibat banjir.




ANTARA kawasan yang turut terjejas akibat banjir.




# Pengarah Perkhidmatan Bangunan baharu

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Jurutera Kerja Kanan di Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Azahar bin Haji Awang Adenan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, mulai 12 Disember 2020.

# 46 pain darah berjaya dikumpulkan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MUARA**, Selasa, 12 Januari. - Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan berjaya mengumpulkan sebanyak 46 pain darah pada Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Al-Bukhari Textile Centre dengan kerjasama pusat berkenaan.

Kempen tersebut diadakan selama sehari, bermula dari jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang, di Aras 1, Kompleks Membeli-belah Aman Hills, di sini.

Pengurus Pemasaran Jualan, Fakhri Alam ketika ditemui Pelita Brunei berkata, kempen bertujuan menambah bekalan darah yang mencukupi di pusat tersebut, di samping membantu rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya para pesakit yang memerlukan darah dengan segera.




YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan) turut hadir pada Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Al-Bukhari Textile Centre.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang ingin menderma darah atau mengetahui tarikh dan tempat bagi Kempen Derma Darah, bolehlah melayari Instagram *@bloodbank_ripas* untuk pertanyaan lebih lanjut.

Para penderma darah perlulah mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 45 kilogram dan berumur 17 tahun ke atas, tidak mempunyai simptom -simptom jangkitan kuman dalam masa satu minggu kebelakangan, seperti sakit tekak, batuk, hidung berair, cirit-birit dan sakit.

Selain itu, para penderma juga tidak mengalami demam panas dalam masa tiga minggu kebelakangan dan tidak menjalani sebarang kerja-kerja pergigian dalam masa 24 jam.



ANTARA yang hadir pada kempen tersebut.

# Daging ayam diragui kehalalannya dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Syari'ah

**TUTONG**, Selasa, 12 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah berjaya merampas sejumlah 26.2 kilogram tongkeng ayam dan 9.1kg sayap ayam yang diragui kehalalannya di salah sebuah premis perniagaan, Daerah Tutong semasa operasi yang dijalankan pada 9 Januari 2021 lalu.

Operasi dijalankan hasil daripada maklumat Operasi Bersepadu pada 4 Januari 2021 di kawasan premis perniagaan, Jerudong.

Kesemua barang rampasan tersebut dibawa ke Ibu Pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah bagi tindakan selanjutnya.

Rampasan dibuat berdasarkan kesalahan di bawah peruntukan Bab 9, Akta Daging Halal, Penggal 183 iaitu menawarkan untuk dijual atau menjual daging mentah tanpa Permit Import Halal dan permit eksport dari negara yang mengeksport daging tersebut.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama bagi menyalurkan dan mengongsikan sebarang maklumat mengenai kegiatan penyeludupan daging mentah melalui talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

Di samping itu, orang ramai juga diingatkan bahawa setiap kemasukan daging halal ke negara ini hendaklah mempunyai kebenaran Permit Import Halal yang sah dengan mengikuti proses-proses yang ditetapkan.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah bersama-sama agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.



DAGING ayam mentah yang diragui kehalalannya berjaya dirampas oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syar'iah.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوآن فوسة دعوه اسلاميه

# Al-Quran penawar segala penyakit

**AL-QURAN** adalah sehebat-hebat penawar dan kesembuhan bagi segala penyakit. Setiap huruf yang terkandung di dalamnya merupakan penawar untuk penyakit *spiritual* dan fizikal. Tiap-tiap surah dan ayat dalam Al-Quran adalah penawar kepada sesuatu penyakit, dengan syarat seseorang itu beriman dan yakin kepadanya. Di dalam Surah Al-Isra' ayat 82, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang mafhumnya :

*"Dan Kami menurunkan suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian".*

Dalam ayat lain firman Allah Ta'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 69 yang mafhumnya : *"Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (Al-Quran yang menjadi) pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi (penyakit batin) yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman".*

Perubatan dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran sebagai penawar ini sangat masyhur semasa zaman kegemilangan Islam. Tetapi sekian lama, ramai dalam kalangan umat Islam kurang yakin akan hikmah dan mukjizat Al-Quran sebagai penawar kepada segala penyakit. Sesungguhnya terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran yang boleh digunakan dan diamalkan bagi menjaga kesihatan, mengubat pelbagai penyakit serta sebagai pelindung, di antara contoh surah dan ayat penawar itu ialah :

Surah Al-Fatihah - Kelebihan surah ini ialah menjadi ubat segala penyakit dan penawar segala racun. Ini telah dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan Imam ad-Darimi daripada Abdul Malik bin Umair radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : *"Surah Al-Fatihah ialah ubat untuk segala penyakit".*

Surah Yaa Siin - Di antara kelebihan surah ini ialah jika dibacakan kepada orang sedang sakit, ia mampu menjadi penawar dan meringankan kesakitan serta mempercepatkan proses kesembuhannya dan jika dibacakan kepada orang yang nazak, maka surah ini mampu membantu agar rohnya dipermudahkan keluar daripada jasadnya. Jika diamalkan dan dibaca pada waktu malam dengan ikhlas, insyaaAllah akan terhapus dosa pada malam itu. Ini berdasarkan hadis riwayat Imam ad-Darimi daripada Abu Hurairah radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : *"Siapa membaca Surah Yaa Siin pada waktu malam dengan ikhlas, maka diampunkan dosanya pada malam itu".*

Ayat Al-Kursi - Kelebihan ayat ini jika dibaca ketika berbaring di tempat tidur, nescaya akan sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Telah diceritakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Abu Hurairah radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: *"Jika engkau berbaring di tempat tidurmu, bacalah ayat Kursi. Dengan demikian, penjaga dari Allah tidak akan meninggalkanmu dan syaitan tidak akan mendekatimu sehingga subuh".*

Kesimpulannya Al-Quran secara keseluruhan berfungsi sebagai syifa' (ubat penawar atau penyembuh) bagi orang-orang yang beriman. Tiada penyakit yang tiada penawar kecuali mati. Semua penyakit, sama ada penyakit zahir mahupun batin, penyakit jasmani ataupun rohani, semuanya datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala, penawarnya ada terdapat di dalam Al-Quran. Allah berfirman dalam Surah Fushshilat yang mafhumnya : *"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : Al-Quran itu menjadi petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman".*

Oleh itu, jika anda menderita sesuatu penyakit ringan ataupun berat mintalah pertolongan kepada Allah untuk menyembuhkan penyakit tersebut. InsyaaAllah tidak ada penyakit yang berat bagi Allah. Dia yang menjadikan penyakit dan Dia juga yang menyembuhkannya, sebagaimana diingatkan Allah dalam Surah Asy Syu'araa, ayat 80 yang mafhumnya : *"Dan jika aku sakit maka Dialah yang menyembuhkan aku".*

# Terus majukan pertumbuhan ekonomi ASEAN




**SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi mempengerusikan Mesyuarat ASEAN Senior Economic Officials Meeting (SEOM) Retreat Ke-52 bagi Tahun 2021 secara *virtual.***

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BERAKAS,** Isnin, 11 Januari. - Mesyuarat ASEAN Senior Economic Officials Meeting (SEOM) Retreat Ke-52 bagi Tahun 2021 diadakan hari ini secara *virtual*, dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Mesyuarat yang menandakan permulaan mesyuarat-mesyuarat ekonomi yang akan dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku tuan rumah dan pengerusi kepada Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) bagi Tahun 2021 tersebut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Ekonomi Kanan dan wakil-wakil daripada kesemua negara ASEAN.

Sebagai Pengerusi ASEAN, NBD mencadangkan 10 Priority Economic Deliverables (PED) di bawah tunggak ASEAN Economic Community (AEC) mengikut tema ASEAN 2021, iaitu 'We Care, We Prepare, We Prosper'.

Ringkasnya, PED tersebut terbahagi kepada tiga teras strategi.

Teras strategi yang pertama ialah Pemulihan, iaitu untuk memastikan pemulihan rantau berikutan impak pandemik COVID-19, fokus dihasrat kepada penjelasan peraturan-peraturan berkenaan langkah-langkah bukan tarif (*non-tariff measures*) dan memudah cara pelaburan (*facilitation of investments*) ke rantau ini; penyediaan sebuah *roadmap* bagi pemulihan sektor pelancongan sebagai garis pandu pada penyediaan perancangan dan solusi-solusi yang komprehensif dan selaras; juga membuka peluang pasaran dan kerjasama baharu bagi ASEAN, terutamanya melalui pelancaran perundingan bagi kemungkinan untuk mengadakan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Kanada.

Strategi seterusnya ialah Digitalisasi, iaitu ke arah memupuk ASEAN menjadi rantau yang berdaya tahan dengan memanfaatkan teknologi baharu, fokus diberikan kepada penyediaan persekitaran e-Dagang (e-Commerce) dan ekosistem digital yang selamat, terjamin dan *harmonized*.

Teras strategi yang terakhir pula, Sustainability, iaitu ke arah memajukan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan lestari di rantau ASEAN, fokus diberikan pada penyediaan garis pandu dan dukungan kepada Perusahaan Mikro, Sederhana dan Kecil (PMKS), peralihan tenaga yang lestari juga kerjasama di dalam bidang *minerals*.

Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah dalam ucapan pembukaannya selaku Pengerusi, mengalu-alukan Ketua-ketua dan Pegawai SEOM, sekali gus merasmikan Mesyuarat ASEAN SEOM Retreat Ke-52 bagi Tahun 2021, di mana tahun ini adalah giliran NBD untuk meneruskan proses ASEAN bagi memajukan agenda integrasi ekonomi dan pemulihan di rantau ini.



**SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada mesyuarat tersebut.**

Dalam pada masa yang sama, NBD juga berharap untuk meneruskan momentum dan usaha yang dilakukan oleh Viet Nam selaku tuan rumah dan Pengerusi sebelumnya.

Mesyuarat, antara lain membincangkan mengenai dengan 2021 Annual Priorities di bawah bidang kuasa SEOM; Program Kerja SEOM untuk 2021; Pengemaskinian kerja-kerja Economic Officials di Jakarta; juga Cadangan jadual mesyuarat-mesyuarat ekonomi ASEAN pada tahun ini.

Berikutan selesainya Mesyuarat ASEAN 52nd SEOM Retreat, mesyuarat rasmi pertama bagi 'SEOM and Related Meetings' dengan NBD selaku Pengerusi ASEAN dijangka akan berlangsung secara maya pada 20 hingga 28 Januari 2021.

# Pameran Kerjaya UBD tawar lebih 170 peluang pekerjaan

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUNGKU LINK,** Isnin, 11 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Pusat Rangkaian, Pekerjaan dan Latihan Kerjaya UBD (UBD CoNECT) dengan sokongan Pejabat Perhubungan Alumni dan Kemajuan UBD (UBD OARA) menganjurkan Pameran Kerjaya UBD 2021, yang bermula hari ini hingga 16 Januari nanti.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, yang berlangsung di Tingkat 3, UBD Business Library, di sini.

Melalui Pameran Kerjaya tersebut, para mahasiswa UBD berpeluang untuk berinteraksi bersama para majikan yang mengambil bahagian dalam Pameran Kerjaya UBD 2021, di mana pameran selama lima hari itu akan disampaikan secara fizikal dan secara dalam talian selaras dengan keadaan pandemik pada masa ini, di samping turut mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam pada itu, sebuah laman sesawang khusus bagi pameran kerjaya berkenaan ditubuhkan, memberikan pengguna akses 24 jam yang membolehkan interaksi di antara kumpulan sasaran, termasuk para mahasiswa UBD, alumni dan orang ramai bersama bakal-bakal majikan.



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.**

Laman sesawang dalam talian mempamerkan profil majikan / peserta pameran, FAQ mereka, dan perincian mengenai kekosongan yang ada dengan ciri untuk menghantar CV pencari kerja juga sesi interaksi dalam talian bersama peserta pameran.

Di samping itu, UBD juga menyediakan beberapa ruang di kampus berkenaan bagi kemudahan para penonton yang ingin menonton penstriman langsung sesi penglibatan bersama para peserta pameran dan sesi temu ramah *walk-in*.

Terdahulu, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman, dalam ucapannya menjelaskan, walaupun terdapat cabaran dan implikasi besar yang disebabkan oleh wabak pandemik ketika ini, Negara Brunei Darussalam masih dapat memacu keutamaan negara.

Tambahnya, salah satu keutamaan tersebut adalah aksesibiliti pendidikan untuk semua, di mana setiap sekolah dan institusi pendidikan tinggi menyesuaikan kaedah untuk memastikan pengajaran juga pembelajaran tidak terganggu dengan menyesuaikan diri dengan bekerja dari jauh dan mengintegrasikan teknologi untuk membolehkan pendidikan juga latihan dijalankan melalui pelbagai bentuk (*blended learning*).

Sehubungan itu, UBD meneruskan hasratnya menganjurkan Pameran Kerjaya yang diadakan secara bersemuka dan secara dalam talian selaras dengan visi negara untuk menjadikannya Negara Pintar (Smart Nation).

Dr. Haji Azman juga menambah, sejajar dengan aspirasi di bawah Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pengajian Tinggi dengan kerjasama semua institusi pengajian tinggi dan teknikal awam juga swasta dalam menjalankan Kajian Pengajian Siswazah dan Employer Satisfaction Survey.

Jelasnya, kajian-kajian ini bertujuan untuk memantau juga menilai kebolehpasaran dan prestasi kerja bagi para graduan, di mana analisis ini dapat memberikan gambaran mengenai keberkesanan dasar juga strategi yang sedia ada, di samping itu, memberi kebaikan ke atas institusi pendidikan negara untuk memanfaatkannya bagi mengembangkan dan melaksanakan inisiatif yang boleh meningkatkan lagi keyakinan dalam memberi peluang pekerjaan kepada graduan.

Pada tahun ini, seramai 40 penyertaan diterima daripada pelbagai sektor industri, termasuk beberapa buah agensi kerajaan menawarkan lebih daripada 170 pelbagai peluang pekerjaan dan sesi temu ramah bagi kekosongan pekerjaan sepenuh masa juga separuh masa dan penempatan pekerjaan.

Di samping itu, terdahulu beberapa kegiatan sampingan juga turut diadakan, antaranya UBD Conversations, merangkumi beberapa siri ceramah inspirasi, yang disampaikan oleh pakar-pakar dari sektor industri tertentu mengenai persiapan untuk menuju ke alam pekerjaan, mengembangkan keperluan yang sangat dituntut dalam kebanyakan karier masa kini dan beralih ke arah pemikiran keusahawanan.




**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa berucap pada Pelancaran Pameran Kerjaya UBD 2021.**

Aktiviti-aktiviti berkenaan turut memberikan peluang kepada pelajar dan ahli alumni untuk memperoleh ilmu pengetahuan mengenai keperluan yang diingini dalam sebahagian besar kerjaya hari ini, seperti penulisan surat pendahulu, CV dan kemahiran temu ramah, komunikasi juga pembentangan.

Pameran Kerjaya UBD 2021 ini bermatlamat untuk mengukuhkan kolaborasi di antara UBD bersama rakan-rakan kongsi industrinya dalam meningkatkan kebolehpasaran para mahasiswa dan graduannya juga pada masa yang sama, menghubungi jurang jangkaan industri bersama graduan UBD yang bersedia untuk masa hadapan.

# JPMC - Go Rush tandatangani MoU

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Pusat Perubatan Jerudong Park**

**JERUDONG**, Isnin, 11 Januari. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Go Rush hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di JPMC.

MoU tersebut adalah bertujuan untuk melantik syarikat kurier tempatan dalam menghantar preskripsi ubat-ubatan dari Farmasi JPMC.

Menandatangani bagi pihak JPMC diwakili oleh Ketua Pegawai Operasinya, Dayang Zauyah binti Md. Tarmizi, sementara pihak Go Rush ditandatangani oleh Pengurus Besarnya, Danny Chua.

Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Pengurus Pentadbiran JPMC, Dennis Kong dan Pegawai Pemasaran Go Rush, Yee Chun Leong.

Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada para pesakit JPMC yang menerima bekalan ubatan secara bulanan untuk tidak berbaris lama di JPMC dan mengelak mencari tempat letak kereta.

Pada masa yang sama, perkhidmatan ini juga untuk menyediakan perkhidmatan farmasi yang lebih efisien.

Mereka yang berkeinginan untuk mendaftar perkhidmatan tersebut boleh melayari laman sesawang *www.gorushbn.com.*

Terdapat dua jenis penghantaran yang ditawarkan, iaitu Standard, penghantaran dua hingga tiga hari, manakala Ekspres, penghantaran pada hari yang sama. Penghantaran ini boleh dibuat di Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait, di mana penghantaran tidak termasuk di kawasan pedalaman.

Bayaran bagi Standard adalah BND3 untuk setiap penghantaran di Daerah Brunei dan Muara, dan BND7 pula bagi daerah-daerah lain. Untuk penghantaran Ekspres, ia hanya disediakan di kawasan Daerah Brunei dan Muara dengan caj bayaran BND5.

Ubat-ubatan ini akan dibungkus oleh Jabatan Farmasi JPMC di dalam beg yang tertutup dengan ketahanan biodegradasi.

Pihak-pihak yang berminat boleh menghubungi menerusi talian Hotline Go Rush +673 8752065 atau e-mel *hello@gorushbn.com* untuk sebarang pertanyaan.

Maklumat lebih lanjut juga boleh didapati di Instagram Go Rush : *@gorush.bn* dan Facebook *@go.rush.bwn.*



**MENANDATANGANI bagi pihak Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) diwakili oleh Ketua Pegawai Operasinya, Dayang Zauyah binti Md. Tarmizi, sementara pihak Go Rush ditandatangani oleh Pengurus Besarnya, Danny Chua.**



# MINDA PEMBACA

## Rasuah mendatangkan kesan buruk

**RASUAH** bukanlah suatu yang baru didengar. Rasuah boleh dikatakan penyakit masyarakat yang sudah lama wujud yang meracuni kehidupan manusia. Rasuah dalam erti kata lain juga disebut sogokan, 'duit kopi', 'tumbuk rusuk', 'belanja kopi', 'pembasah leher', 'pekaras', 'wang bawah meja', 'boleh runding', 'sunglau' dan sebagainya.

Rasuah bermaksud memberikan sesuatu berupa wang atau harta kepada orang lain dengan tujuan niat mendapat balasan atau imbalan. Perbuatan rasuah berlaku adalah disebabkan beberapa faktor seperti bersikap tamak dan mementingkan diri sendiri. Hakikatnya, perbuatan rasuah sememangnya membawa kesan buruk dalam kehidupan.

Bagi orang yang melakukan rasuah ini juga tidak terlepas daripada kesan buruk terhadap dirinya sendiri, misalnya memalukan diri dan nama keluarga dan boleh kehilangan pekerjaan dan mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah ini akan dihukum mengikut undang-undang di negara tersebut, jika di Negara Brunei Darussalam, kesalahan rasuah adalah dihukum mengikut undang-undang di bawah Akta Pencegahan Rasuah 131.

Bukan itu sahaja, perbuatan rasuah ini membawa ketidakadilan di dalam masyarakat dan mereka boleh dikatakan mengambil hak orang lain, misanya mendapatkan pekerjaan dengan cara memberikan wang suapan kepada pihak atasan. Menurut syarak, rasuah adalah tergolong dalam perbuatan dosa-dosa besar kerana ia termasuk dalam perkara memakan atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah. Ingatlah, rasuah bukan hanya haram dan berdosa bagi orang yang menerima dan orang yang memberi rasuah tetapi rasuah juga haram bagi sesiapa yang menjadi orang tengah kepada perbuatan rasuah.

Ini disebut di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tsauban radiallahuanhu maksudnya, *"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat pemberi rasuah, penerima dan pengantara, yakni menjadi penghubung antara kedua-duanya".* (Hadis riwayat Ahmad)

Oleh itu, sentiasalah ingat bahawa berlakunya rasuah akan menyebabkan orang lain akan hilang kepercayaan terhadap pentadbiran negara, rasuah juga menunjukkan lemahnya jentera pentadbiran sesebuah negara itu. Bukan itu sahaja, jumlah jenayah juga akan meningkatkan dan negara akan menjadi kucar kacir. Jauhilah perbuatan rasuah.

**Nama : Ramizah binti Haji Razali**
**No. Kad Pengenalan : 00-312707 (K)**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Langkah Memartabatkan Tulisan Jawi'.** Tarikh Tutup **: 13 Januari 2021**
2. **'Pendidikan Anak-Anak Tanggungjawab Ibu Bapa'.** Tarikh Tutup **: 20 Januari 2021**
3. **'Meningkatkan Budaya Membaca'.** Tarikh Tutup **: 27 Januari 2021**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Hidup biar bebas hutang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Fariszal Ali, Dayang Siti Juhaidah Haji Bujang



PEGAWAI Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang semasa ditemu bual.



PENOLONG Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali ketika ditemu bual.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Januari. - Perkataan hutang memang sudah menjadi perbualan subjektif kebanyakan orang sama ada orang berhutang, pemiutang, 'along' dan sebagainya sehinggalah sesetengahnya begitu sensitif sehingga timbul perkataan 'manis semasa mau berhutang tapi kemudian sepi jika ditagih hutang'.

Pelita Brunei dalam temu bual bersama Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali baru-baru ini menjelaskan, apabila sebut tentang hutang, sudah setentunya ramai dalam kalangan kita yang pernah melaluinya, bahkan merasai kesannya terhadap kehidupan.

Awang Fariszal menyatakan, mungkin pada awalnya nampak indah dan menyeronokkan. Namun setelah tiba masa dan waktunya, maka akan terasa bebanan dan tekanannya dalam hidupan seharian dan itulah hakikat yang perlu kita sedari jika berhutang.

Katanya, walaupun hukum berhutang itu harus, namun dalam pada masa yang sama, kita perlu juga mengkaji semula akan kepentingannya jika ia bermanfaat ataupun sebaliknya kerana jika tidak, maka elakkanlah diri kita dari berhutang.

Beliau juga mengongsikan cara untuk mengelakkan dari berhutang secara ringkasnya adalah antaranya menanamkan sifat *qanaah* (rasa cukup), iaitu iman memainkan peranan yang sangat penting kerana dengan adanya iman, bukan sahaja sifat ini dirasai, bahkan kita bersyukur atas segala nikmat Allah Subhanahu Wata'ala pasti akan dapat dirasa.

Selain itu, rancanglah kehidupan dengan cara yang betul, iaitu menurut pandangan Allah serta istiqamah mendisiplinkan diri untuk mencapai matlamat dan tujuan dan akhir sekali perbanyakanlah berdoa kepada-Nya memohon diberikan kecukupan dalam kehidupan.

Berhutang adalah sesuatu perkara yang tidak dilarang oleh agama Islam ke atas umatnya, akan tetapi ia bukanlah sesuatu yang digalakkan. Kerana itu, agama Islam mengajar kita bagaimana cara mengurus pendapatan dan perbelanjaan dengan betul, iaitu secara bersederhana.

Sudah tentu agama Islam menasihatkan umatnya agar menghindari diri daripada berhutang, kecuali keadaan yang mendesak dan sangat memerlukan.

Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang juga sempat berkongsi beberapa cara bagaimana untuk mengelak diri daripada hutang agar tidak terhimpit dengan beban tanggungan hutang yang banyak, antaranya menanamkan niat yang baik, iaitu berhutang apabila keadaan benar-benar terpaksa bagi keperluan yang penting dan tidak dapat dielakkan.

Bukanlah berhutang itu bertujuan untuk bermegah ataupun hendak bermewah. Utamakan keperluan dan jauhi sifat membazir, iaitu merancang perbelanjaan dengan lebih teliti dan mengutamakan keperluan-keperluan utama serta mengamalkan gaya hidup sederhana dan berbelanja dengan berhemah.

"Elakkan menambah hutang yang baru sebelum terlunas hutang-hutang yang dahulu. Sebagai orang Islam, kita dilarang untuk melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan diri kita sendiri, iaitu membebani diri dengan hutang yang berlipat-lipat kali ganda tanpa terlunas hutang yang lama. Jadi, kita perlu pastikan untuk melunaskan hutang yang lama dahulu sebelum berhutang yang baharu," jelasnya.

Dayang Siti Juhaidah juga menekankan untuk merancang perbelanjaan harian kerana kegagalan dalam menguruskan kewangan adalah antara faktor terbesar yang boleh menyebabkan kita berhutang. Rancang perbelanjaan harian dan bulanan itu dengan sebaik-baiknya. Kemudian berbelanjalah mengikut bajet yang ditetapkan.

Beliau juga menyarankan untuk menabung atau membuat simpanan. Menabunglah walaupun sedikit dan menyimpanlah dengan bijak, konsisten dan berkualiti. Bukalah Akaun Simpanan Khas di bank-bank yang diiktiraf dan yang penting, kita membuat simpanan mengikut kemampuan dan pendapatan *kitani*.

"Belanja mengikut kemampuan, iaitu berbelanjalah dengan bijak dalam membeli sesuatu mengikut kemampuan diri sendiri. Tidak perlu kita membeli sesuatu yang *branded* atau mahal jika tidak mampu. 'Ukurlah baju di badan sendiri!'. Jangan mudah terikut-ikut fesyen atau budaya yang kurang sihat dalam perbelanjaan kita", katanya.

Beliau seterusnya menekankan untuk menambah pendapatan sampingan kerana jika pendapatan bulanan tidak mencukupi, bolehlah *kitani* membuat kerja sampingan yang lain, seperti membuka bisnes kecil-kecilan atau mengajar di kelas malam atau *tuition* kerana pada masa ini, keperluan kepada duit itu amatlah tinggi kerana harga barang keperluan semakin naik dan kos persaraan hidup juga turut meningkat.

Oleh yang demikian, kita selaku orang Islam hendaklah tanamkan dalam diri untuk sentiasa bersifat *qanaah*, iaitu hidup berpada-pada dan bersederhana dalam memenuhi keperluan hidup seharian kita.

Elakkan diri daripada amalan suka berhutang. Jangan menurut kata hati dan hawa nafsu kerana berhutang itu memanglah senang, tetapi membayarnya pula adalah amat berat dan amat susah.

Oleh itu, bebaskan diri daripada hutang yang membebankan agar jiwa dan diri kita lebih tenteram dalam menjalani kehidupan kita seharian.

# Penjagaan alam sekitar tanggungjawab bersama

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Januari. - Masyarakat perlu sedar bahawa kitar semula sangat penting dalam menjaga alam sekitar dan setiap pihak mestilah bertanggungjawab dalam memainkan peranan menjaga alam sekitar melalui kitar semula.

Melalui kitar semula, ia bukan sahaja boleh menjana pendapatan, tetapi bahan-bahan ini juga dapat diolah menjadi berbeza rupa bentuk dan fungsi, di mana dengan adanya idea-idea kreatif barangan kitar semula mampu menambah nilai dan berharga.

Botol plastik, contohnya boleh menghasilkan pelbagai produk kitar semula, sama ada untuk kegunaan di rumah, malah ia turut menjaga keindahan alam sekitar.

Antara barangan yang dicipta daripada botol plastik, seperti bunga hiasan, bekas penyimpanan, lampu, dinding, kotak bingkisan, tabung, pasu, tirai, jam dinding, rak surat khabar dan permainan kanak-kanak.

Walaupun kadangkala agak rumit dan tidak punya kemahiran, idea kitar semula ini boleh dididedahkan kepada anak-anak untuk mereka lakukan sambil belajar menghargai barang terbuang ini.

Aktiviti kitar semula mampu membuka minda dan meningkatkan kemahiran mereka, di samping menyemai amalan kitar semula demi menjaga alam sekitar.

Bimbingan dan dorongan akan menjadikan amalan kitar semula ini sebagai satu budaya pada masa akan datang.



BOTOL plastik, contohnya boleh menghasilkan pelbagai produk kitar semula, sama ada untuk kegunaan di rumah, malah ia turut menjaga keindahan alam sekitar.

# PKWE Tutong amalkan cara hidup sihat

Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan



KETUA Pengurusnya yang baharu, iaitu Haji Hamaffi bin Md. Yassin mengadakan pemanasan badan, diikuti dengan berjalan santai mengelilingi trek balapan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong.

**TUTONG**, Isnin, 11 Januari. - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong merupakan salah satu pusat yang begitu aktif sejak penubuhannya dan pada tahun ini, pusat tersebut dipimpin oleh Ketua Pengurusnya yang baharu, iaitu Haji Hamaffi bin Md. Yassin bagi Sesi 2021 - 2022.

Baru-baru ini, seramai 30 ahli pusat berkenaan menyertai program mingguan yang diadakan di Kompleks Sukan Tutong sebagai tanda pembuka tirai Tahun Baharu 2021.

Acara dimulakan dengan pemanasan badan, diikuti dengan berjalan santai mengelilingi trek balapan, disertai oleh Ketua Pengurus PKWE Tutong baharu.

Acara adalah sebagai kegiatan mingguan, di samping mengamalkan cara hidup yang sihat dan mengeratkan silaturahim sesama ahli.

# Pelantikan MPP UBD baharu

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



AHLI Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Brunei Darussalam bagi Tahun 2020 / 2021 yang baru dilantik semasa bergambar ramai.

**TUNGKU LINK**, Selasa, 12 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Majlis Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Baharu bagi Tahun 2020 / 2021 dan diteruskan dengan Majlis Pembubaran MPP 2019 / 2020 yang diadakan di Dewan Inspirasi, Pusat Pelajar UBD.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), Dayang Hajah Rubiah binti Haji Yacub.

Dalam ucapan, Dekan Pelajar, Awang Saidai bin Awang Haji Hitam, antara lain menjelaskan proses pemilihan Ahli MPP dan seterusnya mengucapkan penghargaan terima kasih kepada semua pegawai serta pelajar UBD yang terlibat.

Beliau juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada bekas MPP atas sumbangan mereka yang cemerlang kepada Persatuan Mahasiswa-Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) sebelum mengucapkan tahniah kepada pemimpin yang baru dipilih.

Beliau berharap mereka akan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan fokus yang tinggi, untuk memenuhi misi PMUBD dan menunjukkan kualiti setaraf dengan universiti di seluruh dunia.

Sementara itu, tetamu kehormat dalam ucapannya memuji MPP 2019 / 2020 yang menunjukkan kepemimpinan mereka yang sangat baik, walaupun terdapat cabaran daripada pandemik COVID-19. Beliau berharap kemahiran dan pengalaman yang mereka peroleh daripada menyertai MPP akan berguna sepanjang tahun.

Selain itu, beliau menasihati ahli yang baru terpilih untuk memahami peranan mereka dengan teliti serta meminta nasihat daripada bekas ahli sekiranya diperlukan. Beliau menekankan pentingnya Ahli PMUBD untuk membantu PMUBD mencapai tahap yang lebih tinggi lagi sejajar dengan misi dan visi UBD, dan itu juga merangkumi pencapaian visi Wawasan Brunei 2035.

Pada majlis tersebut, mantan Ahli MPP diberikan dengan tanda penghargaan, diikuti dengan pengenalan rasmi dan kemudian penyampaian surat pelantikan rasmi, kepada Ahli MPP baharu sebelum mengangkat sumpah.

Awang Muhammad Alaf bin Haji Redawan dipilih sebagai Presiden MPP untuk tahun kedua berturut-turut.

Pemilihan Ahli MPP diadakan setiap tahun. Calon mengambil bahagian dalam kursus kepimpinan selama empat hari pada bulan Disember 2020.

Kursus berkenaan merangkumi pengenalan fungsi Bahagian Hal Ehwal Pelajar, PMUBD dan prosedur pentadbiran serta aktiviti pembinaan pasukan. Pelantikan 17 Ahli MPP juga berlangsung pada masa tersebut. Dengan pelantikan ini, akan memberikan pengalaman dan pendedahan kepada para pelajar mengenai bagaimana kepimpinan pelajar beroperasi di persekitaran universiti di samping untuk mengembangkan kemahiran insaniah yang diperlukan sebagai pemimpin negara pada masa hadapan.

# Gunakan alamat kediaman di NBD

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam (NBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai, dalam mengutamakan keselamatan pelanggan dan kakitangan jabatan di seluruh negara, JPP akan terus mengikut perkembangan terkini keadaan dan situasi berhubung COVID-19.

Sehubungan itu, JPP akan terus komited dalam memastikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan adalah selaras dengan saranan Kementerian Kesihatan terutamanya kepada pelanggan-pelanggan JPP.

Justeru, orang ramai yang berhasrat untuk membeli barang-barang melalui laman sesawang dari luar negara (secara *online*) adalah disarankan untuk menggunakan alamat kediaman di NBD sebagai alamat penghantaran, sesuai dengan maklumat yang diberikan di Sidang Media Situasi Terkini COVID-19 yang disiarkan pada Selasa, 28 Jamadilawal 1442H bersamaan 12 Januari 2021M bagi memudahkan penghantaran mel-mel dari luar negara.

JPP mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan atas sokongan dan kesabaran pada masa ini. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungan Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC) menerusi talian +673 8711002 (WhatsApp) atau e-mel *cscpost@post.gov.bn*.

# Penutupan sementara bekalan air

Siaran Akhbar :
Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan sementara bekalan air yang disebabkan oleh kerja-kerja penggantian injap berukuran 600mm diameter di Tangki Lambak Kanan yang dilaksanakan mulai jam 10.00 malam pada Selasa, 12 Januari 2021 sehingga kerja-kerja selesai.

Oleh itu, pengeluaran air bersih akan berkurangan dari jumlah biasa dan beberapa kawasan akan menerima gangguan bekalan air.

Kawasan yang terjejas termasuklah Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kampung Madang dan sebahagian Kampung Manggis I dan kawasan sekitarnya.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih. Perkhidmatan *tanker* adalah terhad.

Sekali lagi, JKR ingin memohon maaf atas perkara ini dan berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.

# Semai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara

Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed



PEGAWAI Luar Penerangan, Dayang Zurairah binti Haji Lisa semasa menyampaikan taklimat.

**KUALA BELAIT**, Selasa, 12 Januari. - Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Program tersebut merupakan sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Sehubungan itu, taklimat tersebut berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Perdana Wazir (SMPW), Kuala Belait disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Jabatan Penerangan, Dayang Zurairah binti Haji Lisa.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Seramai 71 penuntut dari Tahun 7 bersama tenaga pengajar SMPW menghadiri taklimat berkenaan.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.



PARA pelajar semasa mendengarkan taklimat yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait.

# Raih keberkatan melalui sumbangan wakaf



MASJID Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia menerima sumbangan wakaf berupa sejadah dan barang peralatan pengurusan jenazah yang disumbangkan oleh penduduk kampung.

Berita dan Foto : Ihsan Nasrun Rashid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Januari. - Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, baru-baru ini, menerima sumbangan wakaf berupa sejadah dan barang peralatan pengurusan jenazah yang disumbangkan oleh penduduk kampung.

Majlis penyampaian sumbangan diadakan di masjid berkenaan dan diterima oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir masjid berkenaan, Awang Shahminan bin Haji Sulaiman.

Sebanyak lima gulung sejadah disumbangkan bagi kegunaan para jemaah masjid bagi mereka yang terlupa membawa sejadah sendiri.

Sementara barang peralatan pengurusan jenazah yang disumbangkan pula ialah seperti skop dan cangkul bagi kemudahan menggali kubur.

Antara tujuan sumbangan wakaf tersebut adalah bagi memberikan kemudahan dan keselesaan jemaah menunaikan ibadat dan aktiviti di masjid berkenaan, di samping meraih keberkatan juga sebagai tanda syukur atas nikmat yang diperoleh selama ini.






# Peserta Musabaqah bersaing peringkat saringan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



SIDANG para jemaah hakim yang menilai setiap bacaan para peserta.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Januari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1442 Hijrah kali ini disertai oleh seramai 298 peserta yang memulakan pertandingan mereka sejak semalam.

Daripada jumlah penyertaan, seramai 156 lelaki dan 142 perempuan bersaing pada peringkat saringan yang berlangsung secara tertutup di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Tingkat 8, (2H8:04), Kondominium Ong Sum Ping, di sini.

Pertandingan tersebut dibahagikan kepada lima kategori sebagaimana tahun-tahun sebelumnya iaitu Kategori 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E'.

Seramai 93 peserta iaitu 48 lelaki dan 45 wanita bertanding dalam Kategori 'A' yang terbuka kepada peserta berumur 13 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Mei 2008 dan selepasnya; tidak pernah menjadi johan Kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut dan bukan terdiri daripada penuntut Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negeri semasa mendaftar / menghantar borang permohonan.

Menghafaz Surah-Surah Pilihan dari Juz 30 iaitu Surah Al-Muthaffiffiin, Surah Al-Insyiqaaq, Surah Al-Buruuj, Surah At-Taariq, Surah Al-A'laa, Surah Al-Ghaasyiyah, Surah Al-Fajr, Surah Al-Balad, Surah Asy-Syams, Surah Al-Lail dan Kompilasi Surah-Surah Lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas berserta pemahaman Surah An-Naba', Surah An-Nazi'at, Surah Abasa, Surah At-Takwir dan Surah Al-Infithar.

Sementara itu, Kategori 'B' yang disertai oleh seramai 34 penyertaan terdiri daripada 13 lelaki dan 21 perempuan yang dibukakan kepada murid-murid berumur 14 tahun ke atas dan tidak menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam dalam Kategori 10, 20 dan 30 Juz empat kali berturut-turut secara kebelakangan dari tarikh tutup penyertaan, tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'B' sebanyak dua kali berturut-turut (1440H / 2019M dan 1441H / 2020M) dan bukan terdiri daripada penuntut Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negeri semasa mendaftar / menghantar borang permohonan.

Menghafaz Surah-Surah Pilihan iaitu Surah Al-Kahfi, Surah Luqman, Surah As-Sajdah, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al- Waqi'ah, Surah Al-Mulk, Surah Al-Insaan, Surah Yaa Siin, Surah Jiin berserta pemahaman Surah Al-Jumu'ah dan Surah An-Nur.

Seramai 108 peserta terdiri daripada 56 lelaki dan 52 perempuan bertanding dalam Kategori 'C' yang terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran NBD dalam Kategori 10,20 dan 30 Juz serta tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'C' sebanyak dua kali berturut-turut.

Menghafaz tiga Juz Al-Quran iaitu dari Juz 1 hingga Juz 3 berserta Pemahaman Surah An-Nissa'.

Manakala Kategori 'D' pula terbuka kepada semua peringkat umur, tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran NBD dalam Kategori 30 Juz dan tidak menjadi johan dalam Kategori 'D' sebanyak dua kali berturut-turut.

Seterusnya, seramai 43 iaitu 28 lelaki dan 15 perempuan bagi Kategori 'D' akan menghafaz 15 Juz Al-Quran iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 15 berserta Pemahaman Surah Maryam dan Surah Thaha.

Sementara itu, Kategori 'E' pula terbuka kepada semua peringkat umur dan tidak pernah menjadi johan 3 tahun berturut-turut dalam Kategori menghafaz 30 Juz serta hanya boleh menyertai musabaqah semula iaitu selepas dua tahun menjadi johan.

Para peserta yang bertanding bagi kategori itu ialah seramai 20 orang, terdiri 11 lelaki dan sembilan perempuan dan bertanding menghafaz 30 Juz Al-Quran iaitu dari Juz 1 hingga Juz 30 berserta Pemahaman Surah Asy-Syura, Surah Az-Zukhruf, Surah Ad-Dukhan dan Surah Al-Jatsiah.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1442 Hijrah ini berlangsung selama tujuh hari dan bermula Isnin, 27 Jamadilawal 1442H bersamaan 11 Januari 2021M hingga 5 Jamadilakhir 1442H bersamaan 19 Januari 2021M.

Seramai 12 orang peserta akan dipilih bagi setiap kategori yang mempunyai markah 65 peratus ke atas untuk masuk ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.



SALAH seorang peserta Musabaqah memperdengarkan bacaannya.

# KHEU anjur pemeriksaan kesihatan bagi pegawai, kakitangan



PUSAT Promosi Kesihatan dengan kerjasama JPMC semasa mengadakan jerayawara yang mengetengahkan aktiviti sesi pemeriksaan kesihatan untuk pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Gleneagles Jerudong Park (JPMC) dan Unit Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) buat pertama kalinya mengadakan jerayawara (Road Show) yang mengetengahkan aktiviti sesi pemeriksaan kesihatan untuk pegawai dan kakitangan KHEU.

Pemeriksaan berkenaan diadakan selama lima hari, iaitu pada 11, 12, 13, 14 dan 16 Januari 2021 bertempat di Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU, di sini.

Aktiviti pemeriksaan kesihatan ini merupakan Program 'Workplace And Health' (WAH) bagi Warga Perkhidmatan Awam Sesi 2020-2021.

Jerayawara tersebut diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada warga pegawai dan kakitangan KHEU dengan keramaian lebih 6,000 untuk mengikuti program kesedaran kesihatan, selain sesi kursus gaya hidup sihat dengan menekankan kepentingan tindakan bersepadu dalam mencegah, mengesan dan menangani faktor-faktor risiko penyakit-penyakit tidak berjangkit, seperti obesiti, pemakanan tidak sihat, kurang melakukan kegiatan fizikal, merokok dan isu kesihatan mental dalam konteks Tempat Kerja Sihat (Healthy Workplace), secara



SEBAHAGIAN yang mengikuti jerayawara tersebut.

langsung akan menjadikannya sebagai sebahagian daripada aktiviti ke arah hidup yang lebih sihat.

Selain itu, sebagai langkah permulaan dan pemantauan, PPK juga terlibat dalam sama-sama menyokong KHEU untuk mengadakan pelbagai Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (Workplace Health Promotion WHP), antaranya ialah aktiviti senaman beramai-ramai yang akan dijadualkan nanti.

# Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya, 11 - 19 Januari

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Januari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan Hari-Hari Kebesaran Islam dan ia merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

Musabaqah Peringkat Saringan pada tahun ini akan dijalankan secara tertutup, di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Tingkat 8, (2H8:04), Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311, Negara Brunei Darussalam.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya ini dibahagikan kepada lima kategori, seperti tahun-tahun sebelumnya, iaitu Kategori 'A'; 'B'; 'C'; 'D'; dan 'E'.

Kategori 'A', terbuka kepada peserta yang berumur 13 tahun ke bawah, lahir pada 1 Mei 2008 dan selepasnya; tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut; dan bukan terdiri daripada penuntut Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negeri semasa mendaftar / menghantar borang permohonan.

Menghafaz Surah-surah Pilihan dari Juz 30, iaitu : Surah Al-Muthaffifiin; Surah Al-Insyiqaaq; Surah Al-Buruuj; Surah At-Taariq; Surah Al-A'laa; Surah Al-Ghaasyiyah; Surah Al-Fajr; Surah Al-Balad; Surah Asy-Syams; Surah Al-Lail; dan Kompilasi Surah-surah Lazim, bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas berserta pemahaman Surah An-Naba'; Surah An-Nazi'at; Surah Abasa; Surah At-Takwir; dan Surah Al-Infithar.

Kategori 'B', terbuka kepada murid-murid berumur 14 tahun ke atas dan tidak menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam dalam Kategori 10, 20 dan 30 juz, 4 kali berturut-turut secara kebelakangan, dari tarikh tutup penyertaan, tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'B' sebanyak dua kali berturut-turut (1440H / 2019M dan 1441H / 2020M), bukan terdiri daripada penuntut Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negeri semasa mendaftar / menghantar borang permohonan.

Menghafaz Surah-surah Pilihan, iaitu Surah Al-Kahfi; Surah Luqman; Surah As-Sajdah; Surah Ar-Rahmaan; Surah Al-Waqi'ah; Surah Al-Mulk; Surah Al-Insaan; Surah Yaa Siin; Surah Jiin; berserta pemahaman Surah Al-Jumu'ah; dan Surah An-Nur.

Kategori 'C', terbuka kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam Dalam Kategori 10, 20 dan 30 Juz, juga tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'C' sebanyak dua kali berturut-turut.

Menghafaz 3 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 3 berserta Pemahaman Surah An-Nissa'.

Kategori 'D', terbuka kepada semua peringkat umur; tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam dalam Kategori 30 juz, tidak menjadi johan dalam Kategori 'D' sebanyak dua kali berturut-turut.

Menghafaz 15 Juz Al-Quran, iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 15 berserta Pemahaman Surah Maryam; dan Surah Thaha.

Kategori 'E', terbuka kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Kategori menghafaz 30 juz; dan hanya boleh menyertai musabaqah semula, iaitu selepas dua tahun menjadi johan.

Menghafaz 30 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 30 berserta Pemahaman Surah Asy-Syura; Surah Az-Zukhruf; Surah Ad-Dukhan; dan Surah Al-Jatsiah.

Seperti lazimnya, musabaqah ini akan diadakan dalam tiga peringkat, iaitu i) Peringkat Saringan Kebangsaan;

ii) Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan; dan iii) Peringkat Akhir Kebangsaan.

Seramai 298 peserta mendaftar untuk mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1442 Hijrah dan layak bertanding di Peringkat ini sebagaimana berikut, iaitu bagi Kategori 'A', seramai 48 peserta lelaki, manakala peserta perempuan pula seramai 45 peserta.

Bagi Kategori 'B', seramai 13 peserta lelaki dan 21 peserta perempuan. Manakala bagi Kategori 'C' pula, seramai 56 peserta lelaki dan 52 pula peserta perempuan. Sementara bagi Kategori 'D', seramai 28 peserta lelaki dan 15 peserta perempuan.

Akhir sekali bagi Kategori 'E', iaitu 11 peserta lelaki dan sembilan peserta perempuan. Jumlah keseluruhan peserta ialah 298 peserta, iaitu 156 peserta lelaki dan 142 peserta perempuan.

Seramai 12 peserta akan dipilih bagi setiap kategori yang mempunyai markah 65 peratus ke atas untuk masuk ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1442 Hijrah ini berlangsung selama tujuh hari dan bermula Isnin, 27 Jamadilawal 1442H bersamaan 11 Januari 2021M hingga 5 Jamadilakhir 1442H bersamaan 19 Januari 2021M.



# Dedah bakat, tingkat sosioekonomi *home bakers*

Oleh : Haniza Abdul Latif
Infografik : Ihsan Ideal Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Januari. - Ideal Marketing (B) Sendirian Berhad akan menganjurkan Pertandingan Ideal Festival Baking selama dua hari, pada 16 dan 17 Januari 2021, di Little Soho, Jalan Batu Bersurat.




Pertandingan tersebut memberikan peluang kepada pembuat roti (*bakers*), yang bercita-cita untuk menonjolkan dan mengasah kemahiran juga pengalaman mereka dalam pertandingan yang sihat, didorong dengan pembelajaran dan sikap positif.

Peringkat saringan pertandingan diadakan pada 2 Januari 2021 lalu, di Ideal Cafe & Grill, Gadong Properties, Goodwood Branch, di mana seramai empat peserta menyertai pertandingan berkenaan.

Kek-kek yang dihasilkan oleh para peserta pertandingan akan dinilai, berdasarkan penampilan, rasa dan kreativiti umum oleh *pastry* cef profesional jemputan, iaitu Pemilik Flour and Butter Café dan Le Apple Bakery, Cef Alex Chua; Pemilik The Cake Project, Cef Connie Lau; dan Pemilik Cakes By Faridah dan Restoran Saffron, Faridah Yusof.

Empat peserta yang menyertai pertandingan berkenaan, Bibi Amadah; Maisara Ahmad; Nurul Huda; dan Mona Adiliana.

Di pusingan awal pertandingan, Bibi Amadah membakar Kek Coklat Mousse Jaffa; Maisara Ahmad membuat Kek Kacang Butterfly Blue; Nurul Huda membakar Kek Gula Melaka; dan Mona Adiliana membuat Naked Surprise Cake.

Para peserta akan bertanding lagi pada pusingan seterusnya, iaitu pada 16 Januari, sesi pagi, *cupcakes* (*savoury*) dengan bahan utama keju; dan separuh akhir pada sesi petang, *cupcakes* (*sweet*) dengan ramuan utama Oreo.

Kedua pusingan ini, masing-masing mempunyai satu penyingkiran, di mana hanya dua peserta akan mara ke pusingan akhir, pada 17 Januari, yang akan dimulakan pada 10.00 pagi.

Matlamat acara tersebut adalah kesinambungan dengan penjenamaan semula logo Kumpulan Syarikat Ideal (Ideal Group of Companies), di mana diharap dapat mewujudkan kesedaran penjenamaan telur segar dari Ladang Ideal.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperluas hubungan komersial bersama pelanggan tempatan yang setia dan membantu mendedahkan para *home bakers* untuk meningkatkan sosioekonomi mereka, melalui aktiviti seperti ini.

Di samping itu, untuk membolehkan pembuat roti menunjukkan kepada orang ramai bahawa telur segar dari Ladang Ideal baik untuk dibakar, sebagaimana Moto Ideal, iaitu 'Good Eggs Bakes Good Cakes'.

Manakala Misi Ideal adalah untuk menjemput pelbagai khalayak demografi dalam berkongsi pengetahuan dan mempromosikan kesedaran jenama untuk acara ini.

# Manfaatkan masa, perbaiki diri

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman



MASA atau waktu merupakan salah satu nikmat di antara nikmat-nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya yang wajib disyukuri. Dengan pengurusan masa yang betul, aktiviti seharian juga akan dapat dijalankan dengan berkesan dan segala matlamat hidup dapat dicapai (atas dan bawah).



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Januari. - Setiap manusia dikurniakan masa yang sama, iaitu 24 jam sehari semalam, hanya yang membezakan mereka ialah bagaimana menggunakan dan memanfaatkan waktu tersebut sepenuhnya setiap hari.

Masa atau waktu merupakan salah satu nikmat di antara nikmat-nikmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-Nya yang wajib disyukuri, kerana jika tidak, nikmat tersebut akan pergi meninggalkan pemiliknya dan waktu yang telah berlalu tidak akan kembali lagi.

Menguruskan masa itu berbeza bagi setiap individu, namun lazimnya dibahagikan kepada masa untuk bekerja, masa untuk keluarga dan masa untuk diri sendiri.

Dengan pengurusan masa yang betul, aktiviti seharian juga akan dapat dijalankan dengan berkesan dan segala matlamat hidup dapat dicapai, seterusnya melahirkan insan yang positif dan cemerlang dalam semua bidang.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Hakim, daripada Ibnu 'Abbas radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menasihati seseorang dalam sabda Baginda yang bermaksud, *"Manfaatkanlah lima perkara sebelum lima perkara, iaitu waktu mudamu sebelum tuamu; waktu sihatmu sebelum datang sakitmu; masa kayamu sebelum datang masa kefakiranmu; masa lapangmu sebelum datang masa sibukmu; dan masa hidupmu sebelum datang matimu".*

Oleh itu, menjadikan lima perkara utama tersebut sebagai asas kehidupan akan membimbing kita ke arah kehidupan yang bermakna di dunia dan juga di akhirat nanti.

Seorang Muslim yang bijak juga adalah mereka yang menghargai masa dalam kehidupan mereka sehinggakan ia diibaratkan sebagai emas, sepertimana Allah Subhanahu Wata'ala menitikberatkannya dalam Surah Al-'Asr yang tafsirnya, *"Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh dan saling berpesan untuk mengikut yang haq, serta saling berpesan untuk bersabar".*

Banyak perkara kebaikan yang boleh diamalkan oleh umat manusia untuk diisi ke dalam aturan masa yang bermanfaat dan berfaedah, antaranya memperbanyakkan amal ibadat kepada-Nya, mengisi masa untuk menimba ilmu pengetahuan, masa untuk memikir dan merancang masa depan, serta sentiasa memanfaatkan masa dengan berusaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Akan tetapi, terdapat juga segelintir golongan manusia yang tidak mempunyai masa yang cukup untuk menguruskan kehidupan seharian sehingga banyak perkara dan keperluan hidup mereka tidak dapat dipenuhi.

Namun begitu, selagi nyawa masih dikandung badan, kita masih dapat merubah kehidupan kita dengan memanfaatkan masa yang ada untuk sentiasa memperbaiki diri.Mulakan perubahan secara perlahan dan konsisten, serta mendisiplinkan diri untuk menjalani kehidupan mengikut pembahagian masa yang ditetapkan oleh diri sendiri, kerana kehidupan setiap orang sangat berbeza dan orang yang bijak mengatur masa merupakan orang yang sangat beruntung.



BANYAK perkara kebaikan yang boleh diamalkan oleh umat manusia untuk diisi ke dalam aturan masa yang bermanfaat dan berfaedah.

# MAKLUMAN

## IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI ***WWW.RECRUITMENT.GOV.BN*** ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.

PSC RECRUITMENT

LIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG

PSC.BN

+673 7371961 PSC.BN PSC.BN query@spa.gov.bn

---

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**JAWATAN - JAWATAN KOSONG DI DEPARTMENT OF INFORMATION TECHNOLOGY AT THE OIC GENERAL SECRETARIAT, JEDDAH, SAUDI ARABIA**

**JAWATAN :**
*1. Senior Network Engineer*
*2. Program Manager*

**Tarikh Tutup : 20 JANUARI 2021**

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah menghadapkan kepada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui e-mel : *dio@mfa.gov.bn*

---

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**SEBUT HARGA OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KKBS / OBBD / F-004 (01-2021)**

**<u>TAJUK SEBUT HARGA :</u>**
**KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUBAHSUAI (RENOVATION) STOR LATIHAN DI BANGUNAN KEM LATIHAN OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD) BATANG DURI, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP :**
**tidak lewat dari Jam 2.00 petang pada 21 Januari 2021 (Khamis)**

---

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

**<u>BILANGAN TAWARAN :</u>**
**JPE / LTK / PSP / 040 / 2020**

**<u>TAJUK TAWARAN :</u>**
**PENYEDIAAN BEKALAN API ELEKTRIK DI KKP MERANGKING FASA-1, DAERAH BELAIT**

**<u>HARGA DOKUMEN :</u>**
**BND30.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**<u>KELAYAKAN :</u>**
**KELAS IV ATAU V SAHAJA (KATEGORI E03)**

**TARIKH TUTUP :**
**19 JANUARI 2021 / SELASA (JAM 2.00 PETANG)**
**TEMPAT TUTUP :**
**'TENDER BOX' PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL**

**BASEMENT 2 (B2), KEMENTERIAN TENAGA KOMPLEKS BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

---

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**<u>BILANGAN TAWARAN :</u>**
**JDB / BKPD / SH / 42 / 2020**

**<u>TAJUK TAWARAN :</u>**
**QUOTATION ON REPAIR & MAINTENANCE WORK FOR GANSET AT DEWAN KAMPUNG SUKANG**

**<u>YURAN TAWARAN :</u>**
**BND 5.00**

**KATEGORI : (KPME03, M03 & E01)**

**<u>BILANGAN TAWARAN :</u>**
**JDB / BKPD / SH / 43 / 2020**

**<u>TAJUK TAWARAN :</u>**
**QUOTATION FABRICATE, SUPPLY AND INSTALL OF NEW ALUMINIUM GLASS WINDOW FOR PUBLIC TOILET, DEWAN SANTAP KUALA BELAIT**

**<u>YURAN TAWARAN :</u>**
**BND 5.00**

**KATEGORI : (KA01 & B01)**

**TARIKH TUTUP :**
**19 JANUARI 2021 (Selasa)**

---

JKR

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM**

**<u>1. BILANGAN :</u>**
**JKR / DWS / 018 / 2020**

**<u>NAMA PROJEK :</u>**
**KONTRAK PENGGAL KERJA-KERJA PEMELIHARAAN STESYEN PENGEPAM AIR UTAMA DAERAH BRUNEI MUARA, TUTONG DAN TEMBURONG**

**<u>2. BILANGAN :</u>**
**JKR / DWS / 019 / 2020**

**<u>NAMA PROJEK :</u>**
**KONTRAK PENGGAL BAGI KERJA-KERJA OPERASI DI STESYEN PENGEPAM AIR UTAMA DAERAH BRUNEI MUARA**

**<u>TARIKH TUTUP DILANJUTKAN:</u>**
**2 FEBRUARI 2021 (SELASA) TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG**

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DI DALAM**
**MAHKAMAH TINGGI**
**DI NEGARA BRUNEI**
**DARUSSALAM**
**DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 551 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**SHAIFUL BAHANI BIN ABDUL RAHMAN**
**(BYIC No. 00-301796)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 September 2020.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar** pada **19 Januari 2021, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **19 Januari 2021, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 30 Disember 2020

**NUUROR-RAHEEBAH BINTI HJ ABD WAHAB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 130 / 2018**

**BAIDURI BANK BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**HAJAH ROSINAH BINTI HAJI SARUDIN**
**(BYIC No. 00-253964)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 September 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar** pada **19 Januari 2021, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **19 Januari 2021, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 30 Disember 2020

**NUUROR-RAHEEBAH BINTI HJ ABD WAHAB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 447 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMMAD FIRDAUS BIN JOPERI**
**(BYIC No. 01-056861)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **19 Disember 2019**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5) Mahkamah Besar** pada **20 Januari 2021, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **20 Januari 2021, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 24 Oktober 2020

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 89 / 2018**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMMAD RASIDAN BIN BAKRI**
**(BYIC No. 00-123882)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 September 2020.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-5) Mahkamah Besar** pada **21 Januari 2021, jam 9.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **21 Januari 2021, jam 9.00 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 24 Oktober 2020

**HJH NORMAZDINA BINTI HAJI MD.MASKUB**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 119 / 2020**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHAMAD HASMAWI BIN GHANI / A GANI**
**(BYIC No. 00-268783)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **31 Oktober 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **20 Januari 2021, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **20 Januari 2021, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 November 2020

**NUR ELEANA BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 53 / 2013**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**AK HAMDAN BIN PG HJ METUSSIN**
**(BYIC No. 00-298374)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Julai 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **21 Januari 2021, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **21 Januari 2021, jam 9.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 November 2020

**NUR ELEANA BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP /184 / 2018**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MOHD ALIJAN BIN AWANG HAJI PIUT**
**(BYIC No. 00-071135)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **31 Oktober 2020**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **21 Januari 2021, jam 10.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **21 Januari 2021, jam 10.45 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh : 28 November 2020

**NUR ELEANA BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 53 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH DELIMA
SATU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/10]

BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND30.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 54 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH SULTAN UMAR
ALI SAIFUDDIEN, MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/13]

BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND30.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 55 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH KAMPUNG
MATA-MATA,
GADONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/19]

BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 56 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH PG PEKERMA
SETIA DIRAJA SAHIBUL BANDAR,
KG. PERPINDAHAN MATA-MATA,
GADONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/29]

BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 57 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH DATO
OTHMAN,
KG. PERPINDAHAN LAMBAK KIRI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/30]

BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 58 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH RIMBA I,
KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/34]

BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 59 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH BERIBI,
JALAN BERIBI TELANAI,
KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/35]
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 60 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH RIMBA II,
KAMPUNG PERPINDAHAN RIMBA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/36]
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 61 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH PENAPAR
2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG
MENENGAH
3. SEKOLAH RENDAH KIUDANG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/44]
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND30.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK /62 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH KATOK 'B',
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/59]
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

BILANGAN SEBUT HARGA :
MOE / LTK / 63 / 2020 / 2021
[DA[BPPA-JAN-2021)]

KETERANGAN :
TAWARAN MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH
BAHAGIAN SKIM MINUM BAGI :
SEKOLAH RENDAH RIMBA III,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA.
[KOD BLOK : SM/60]
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN/ DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND50.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU
19 JANUARI 2021
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

---

JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PROGRAM
HARAPAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 131 / 2020 / 2021
[BPPA - JAN - 2021]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
KEPERLUAN-KEPERLUAN
PERMAKANAN
(MAKAN TENGAH HARI) BAGI :
SEKOLAH RENDAH
MERANGKING,
DAERAH BELAIT,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI KOD BLOK : PH/T3
BAGI TEMPOH LIMA (5) BULAN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak
dikembalikan]

TARIKH TUTUP TAWARAN :
16 JANUARI 2021
[ Tidak lewat jam 9.00 Pagi ]

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN /
DOKUMEN SEBUT HARGA :
ISNIN hingga KHAMIS
8.00 PAGI hingga 11.45 PAGI
1.45 PETANG hingga 3.00 PETANG
SABTU
8.00 PAGI hingga 10.00 PAGI

# Perkhidmatan terjejas akibat banjir

**Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Pos, Negara Brunei Darussalam memaklumkan bahawa beberapa kawasan di Daerah Tutong mengalami kejadian banjir akibat hujan lebat sejak 11 Januari 2021.

Kejadian tersebut menyebabkan peningkatan paras air sungai naik hingga menjejaskan beberapa kawasan perumahan berhampiran sungai terutamanya di kawasan-kawasan rendah.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutamanya penduduk di kawasan-kawasan yang terjejas, penyerahan surat-surat di beberapa buah kawasan seperti kawasan Kampung Sulap Samat, Kampung Belunu Layong, Kampung Batang Mitus, Kampung Rambai, Kampung Benutan dan Kampung Merimbun akan terjejas disebabkan tidak dapat dilalui oleh posmen dan wakil-wakil pos di kawasan berkenaan.

Pihak jabatan akan sentiasa memantau keadaan di kawasan-kawasan berkenaan dan akan membuat penyerahan semula apabila keadaan air di kawasan terjejas kembali surut.

Jabatan Perkhidmatan Pos dengan itu memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi.

# Adelpa Salvador Paneda lari dari majikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



**ADELPA Salvador Paneda, 49 tahun, warganegara Filipina dilaporkan lari daripada majikan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing yang lari daripada majikan.

Butir-butir keterangan mengenainya adalah seperti berikut : Adelpa Salvador Paneda, 49 tahun, warganegara Filipina dengan nombor pasport P9480614A. Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.

# Bantu kesan Salachudin Al Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 12 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki, warganegara Indonesia, Salachudin Al Ahmadi, 35 tahun, pemegang nombor Pasport B 8542933, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Balai Polis Panaga, Daerah Polis Belait menerusi talian +673 3227984 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



**SALACHUDIN Al Ahmadi, 35 tahun, warganegara Indonesia, dilaporkan lari daripada majikan.**

## Kenali Bahasa Brunei

**calapa** bermaksud bekas yang diperbuat daripada tembaga, perak, dan sebagainya tempat menyimpan sirih pinang, rokok, dan tembakau.

Contoh pemakaian kata : lagi daulu **calapa** ani kana surungkan bila urang datang ka rumah.

**camah mata** bermaksud tidak menghiraukan sesuatu dengan hanya memperhatikan orang lain bekerja atau melakukan sesuatu.

Contoh pemakaian kata :

a. jangan luan **camah mata**, cubatah tulung-tulung urang lain bakaraja.

b. uras sadikit dapan mata atu pun **camah mata** inda diputik, inda bisai kaulahan miatu.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

## Selera Kampung Kitani

## KAMPUNG PENAPAR



**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

# PUDING MILO OREO

**BAHAN-BAHANNYA**

3 paket agar-agar serbuk
1 tin susu ideal
(dapat 2 gelas duralex)
7 gelas duralex air (semuanya 9 gelas jika dicampur dengan 1 tin susu ideal di atas)
1 gelas duralex gula
1 gelas duralex milo
1 paket oreo

**CARA-CARANYA**

Masak agar-agar, gula, air dan susu ideal hingga mendidih. Ambil 4 gelas adunan dicampur dengan milo (yang sudah ditapis). Ambil dua gelas adunan milo dan masukkan ke dalam acuan empat segi (8" x 8").

Masukkan ke peti sejuk dan biarkan sedikit beku. Kemudian aturkan semua oreo. Ambil lebihan adunan, iaitu lima gelas dan tumpahkan sedikit-sedikit juga perlahan tiga adunan dahulu ke dalam acuan.

Jika oreonya timbul tekan gunakan sudu pelahan-pelahan hingga tenggelam. Tumpahkan lebihan adunan milo (dua gelas) dan tunggu hingga beku. Selamat mencuba.

# Kuasai pelbagai bahasa erat hubungan antarabangsa




**MEMILIKI pelbagai bahasa dapat menerokai budaya baharu dari negara antarabangsa dan akan dapat membantu memantapkan lagi kerjaya dan pelajaran seseorang itu (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Januari. - Terdapat ribuan bahasa di dunia ini, dan bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling mudah difahami yang digunakan oleh kebanyakan orang di seluruh dunia.

Penguasaan pelbagai bahasa lebih baik daripada penguasaan satu bahasa sahaja, kerana ia merupakan satu kelebihan bagi individu yang berjaya mempelajari lebih dari satu bahasa.

Dengan mempelajari bahasa lain selain daripada bahasa ibunda mereka sendiri, sudah setentunya dapat menerokai budaya baharu tanpa batasan.

Bahasa adalah hubungan paling langsung dengan budaya lain. Apabila kita mampu berkomunikasi dalam bahasa lain, ia memperlihatkan kepada kita dan meningkatkan penghargaan terhadap sejarah, agama dan tradisi dari negara lain yang berbilang bangsa.

Kelebihan menguasai lebih dari satu bahasa itu juga membolehkan kita meningkatkan hubungan dengan orang lain dari negara luar yang mempunyai budaya yang amat berbeza.

Selain itu, ia juga memberikan manfaat kepada individu berkenaan serta peluang yang unik dalam berkomunikasi dengan fasih dan mengenali dengan lebih dekat lagi terhadap kehidupan individu berkenaan yang mempunyai budaya yang berbeza.

Bukan itu sahaja, mempunyai kemahiran dwibahasa atau lebih juga membantu memantapkan lagi kerjaya seseorang, tidak dinafikan juga kiranya keputusan akademik seseorang itu agak sederhana, namun dengan potensi yang dimiliki, iaitu berkemahiran menguasai lebih dari satu bahasa ini memberi kelebihannya untuk mendapatkan peluang pekerjaan dengan mudah.

Ini kerana sesetengah kerjaya memerlukan penggunaan bahasa asing yang mantap, antaranya penulis sari kata, penterjemah, pemandu pelancong, pramugari dan sebagainya.

Kemahiran berbahasa merupakan kemahiran sepanjang hayat, di mana ia memudahkan dalam berkomunikasi, perjalanan seseorang, terutama sekali apabila melancong ke luar negara, bahkan memberi peluang tambahan ketika belajar di luar negara agar tidak kekok bertemu, berkomunikasi dengan komuniti setempat di luar negara.

Dalam hubungan ini, akademik merupakan aspek penting dalam mempelajari bahasa asing, namun ada juga cara lain untuk mempelajari bahasa lain, iaitu dengan menggunakan pelbagai aplikasi bahasa yang boleh dimuat turun dari internet atau belajar bahasa lain secara dalam talian ataupun merujuk kepada kamus-kamus bahasa asing yang boleh didapati di kedai-kedai buku.

**Berita dan Foto :**
**Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**



# Masyarakat perlu sokong Program Kitar Semula

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Januari. - Pelbagai Kempen Kitar Semula sudah digerakkan oleh kerajaan dan swasta, namun kesedaran untuk kitar semula dalam kalangan masyarakat, hari ini, masih belum memuaskan sedangkan manfaatnya amat besar untuk kehidupan. Amalan itu amat penting untuk melindungi alam sekitar daripada pencemaran yang semakin memberi kesan kepada kesihatan dunia dan boleh menjejaskan masa depan manusia, tapi proses berkenaan jarang dititikberatkan oleh orang ramai.

Masih boleh dilihat sebahagian besar masyarakat mengambil mudah kitar semula yang mampu menjimatkan sumber, menghalang pencemaran dan menyumbang kepada kesihatan awam. Namun tidak ramai yang sedar kitar semula juga mewujudkan peluang pekerjaan dan dapat menjana pendapatan sampingan dengan mudah kerana amalan itu juga dapat mengurangkan pembuangan sisa, pencemaran udara daripada proses pembakaran, pencemaran air dari tapak pelupusan sampah dan pengeluaran gas rumah hijau, selain mengurangkan penggunaan bahan mentah baharu juga tenaga.




**SALAH seorang pembeli menggunakan beg kitar semula.**

Tidak dapat disangkal, proses kitar semula adalah penentu kepada masa depan yang lebih baik bagi mengelakkan pencemaran yang boleh mengubah landskap dunia dan menjejaskan kehidupan generasi akan datang. Kitar semula adalah amalan mudah juga tidak memerlukan masa yang lama yang dapat mengurangkan penggunaan sumber baharu untuk dijadikan bahan baharu, seperti kulit kayu bagi penghasilan kertas dan mengelakkan kepupusan flora juga fauna. Sisa perlu diasingkan dengan sisa baki atau sisa pepejal isi rumah yang tidak boleh dikitar semula dibungkus kemas, diletakkan dalam tong sampah untuk pelupusan. Sisa boleh dikitar semula pula diletakkan dalam bungkusan berasingan di tepi tong sampah untuk dihantar ke tempat pemprosesan kitar semula.




**SALAH satu tong sampah kitar semula yang diletakkan di tempat awam.**

Menurut Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari juga merupakan Pengarah Penglibatan Komuniti bagi Green Brunei dan Pengarah Green Exchange bagi Majlis Belia Brunei ketika ditemu bual Pelita Brunei menerangkan, kitar semula adalah komponen penting dalam pengurusan sampah kerana ia dapat membantu dalam mengurangkan jumlah sampah yang dihantar ke tapak pelupusan sampah. Dengan mempraktikkan kitar semula di rumah, katanya, ia juga menjadikan masyarakat lebih peka tentang jenis dan jumlah sampah yang dihasilkan setiap hari. "Kitar semula dapat ditekankan dengan memperkukuhkan kemudahan kitar semula di sekolah, tempat kerja dan kawasan awam dengan menyediakan lebih banyak lokasi untuk menghantar kitar semula," ujarnya. Di samping itu, tambahnya, pendidikan mengenai amalan pengelolaan sampah yang lebih baik diperlukan untuk semua lapisan masyarakat dengan adanya kesedaran melalui media tradisional dan sosial juga pendidikan formal dan tidak formal.

# MATHEWS JADI JOHAN SUKAN BRUNEI — SARAWAK

**SERIA. — K.C. Mathews, sa-orang ahli sukan yang terkenal di-negeri ini telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan sukan sa-chara bertulis antara ahli2 sukan dari Negeri Brunei dan Negeri Sarawak baharu2 ini.**

Pertandingan sa-chara tersebut telah di-adakan di-bawah kelolaan Tuan Tony Traill, Pelateh Sukan Sharikat Minyak Shell.

Mathews ia-lah ketua pasokan sukan Negeri Brunei di-temasha Sukan Seluroh Borneo di-Jesselton pada tahun 1960 dan juga ketua pasokan sukan negeri ini di-temasha sukan Kejohanan Malaya di-Pulau Pinang beberapa bulan yang lalu.

Menurut Tuan Traill, Mathews telah memperolehi sa-jumlah 2,655 mata.

Ia telah mengambil bahagian dalam tiga bahagian, ia-itu lari 220 ela dan 440 ela serta lari lompat pagar 440 ela.

Inche Ahmad Amin dari Negeri Sarawak telah mendapat gelaran yang kedua dalam pertandingan tersebut dengan menchapai sa-banyak 2,390 mata.

Lima pasokan telah bertanding, ia-itu Pasokan Champoran Seria dan Belait, Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell, Sarawak Constabularly, Perkhidmatan Pos dan Telegraph Sarawak dan Pasokan Bandar Kuching.

Semua-nya lebeh daripada 100 orang ahli2 sukan telah bertanding.

Enam orang ahli2 sukan yang berjaya dalam pertandingan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini :

1. K.C. Mathews (Pasokan Seria dan Belait) — 2,655 mata.
2. Ahmad Amin (Sarawak) — 2,390 mata.
3. Marzuki (Sarawak)—2,159 mata.
4. William Yeo (Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell) — 2,119 mata.
5. Zunaidi Hamdan (Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell) — 2,047 mata.
6. Terrence Janting (Sarawak) — 1,977 mata.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Pertandingan Sukan Seluroh Kawasan Borneo British akan di-adakan di-Seria pada bulan July tahun ini.

Menurut pendapat Tuan Tony Traill, beliau yakin bahawa ahli2 sukan di-negeri ini akan menjadi johan dalam berbagai2 bahagian di-temasha sukan.

Pendapat beliau itu ada-lah bersendikan kapada latehan yang beliau menganjorkan di-negeri ini semenjak beberapa minggu yang lalu.

Di-antara ahli2 sukan laki2 yang beliau perchaya akan menang di-temasha sukan tersebut ia-lah K.C. Mathews, Zunaidi Hamdan, H.L. Arabi, dan George Chong.

Lucy Ho dan Rose Chong, ahli2 sukan wanita yang terkenal di-negeri ini juga ada-lah mempunyai harapan yang baik untok berjaya di-temasha sukan seluroh kawasan Borneo Brtish pada tahun ini, kata lagi Tuan Tony Traill.

# YOUNG BOYS TEAM MELAWAT MIRI

**BANDAR BRUNEI. — "Young Boys Team" dari bandar ini telah mengalahkan Sekolah Melayu Anchi, Miri dalam pertandingan2 bola sepak dan pimpong, tetapi kalah dalam pertandingan badminton.**

Pertandingan2 tersebut telah di-langsongkan di-Miri pada masa kelepasan Hari Raya Krismas baharu2 ini.

Pertandingan bola sepak telah di-langsongkan di-padang Klab Machinda pada petang 25 December.

Young Boys Team telah mengalahkan Sekolah Melayu Anchi dengan 3 gol berbalas 1.

Pasokan dari bandar ini telah mengalahkan Sekolah Melayu Anchi dengan 3 perlawanan berbalas 2 dalam pertandingan pimpong di-Dewan Kemasharakatan, Miri pada pagi 26 December.

Dalam pertandingan tersebut Y.B.T. telah menang 2 perlawanan sa-saorang dan 1 perlawanan bergu.

Sekolah Melayu Anchi telah menang 2 perlawanan sa-saorang.

Dalam pertandingan badminton pula yang telah di-langsongkan di-Dewan Kemasharakatan juga, Sekolah Melayu Anchi telah mengalahkan Young Boys Team dengan 4 perlawanan berbalas 3.

S.M.A. telah menang 2 perlawanan2 sa-saorang dan 2 perlawanan bergu, manakala Y.B.T. pula telah menang 1 perlawanan sa-saorang dan 2 perlawanan bergu.

Rombongan tempatan itu ada-lah mengandongi 31 orang, dan di-ketaui oleh Inche Mohamed Taib bin Abdul Latiff dari Jabatan Perubatan, Bandar Brunei.

Semua pemain2 dan penyokong pasokan Y.B.T. itu telah berangkat ka-Miri dengan jalan raya pada pagi 25 December dan balek ka-Bandar Brunei pada petang 26 December.

# P. W. D. SPORTS CLUB MENGALAHKAN DAYAK CLUB

**SERIA. — P.W.D. Sports Club, Kuala Belait telah mengalahkan Shell Dayak Club, Seria dengan 5 gol tidak berbalas dalam satu pertandingan bola sepak bagi merebutkan Perisai Higgins.**

Pertandingan itu telah di-langsongkan di-padang Panaga Club di-sini dan di-saksikan oleh ramai para penuntun baharu2 ini.

Dengan kemenangan-nya itu, P.W.D. Sports Club maseh belum lagi dapat di-kalahkan semenjak pertandingan bola sepak itu di-jalankan tidak berapa lama dahulu.

Pada sa-paroh masa yang pertama P.W.D. Sports Club mendapat 3 gol dan sa-lepas berehat pasokan itu mendapat 2 gol lagi.

Kassim telah menjaringkan 2 gol, manakala Mahmood, Samad dan Ali Noor 1 gol sa-orang bagi pehak P.W.D. Sports Club, Kuala Belait.

# KLAB MELAYU MENANG

**SERIA. — Klab Melayu Shell telah mengalahkan Klab Dayak Shell dalam pertandingkan bola sepak kerana merebutkan Piala Higgins dengan 7 gol berbalas 1.**

Pertandingan tersebut telah di-langsongkan di-Padang Marina dan di-saksilam oleh ramai para penuntun.

Gol yang tunggal di-perolehi oleh Klab Dayak itu di-jaringkan oleh sayap kirinya, William Giri.

Tidak berapa lama kemudian Klab Melayu telah berhasil mendapat satu gol di-jaringkan oleh Ibrahim Ghani dan sa-belum tamat pertengahan yang pertama Klab Melayu telah memperolehi gol-nya yang kedua di-jaringkan oleh Kadir.

Sa-telah pertandingan itu di-sambongkan sa-mula, Klab Melayu Shell telah mendapat 5 gol lagi. Ibrahim Ghani telah menjaringkan 3 gol, manakala Kadir pula menjaringkan 2 gol.

Dengan kemenang-nya itu Klab Melayu Shell ada-lah mendudoki tempat yang ketiga dalam pertandingan Piala Higgins tersebut.

# PERTANDINGAN PERSAHABATAN

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bekas Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengalahkan Pulis Bandar Brunei dengan 4 gol tidak berbalas dalam satu pertandingan bola sepak.

Pertandingan itu di-adakan sa-chara persahabatan di-Padang Bandar Brunei.

Mohamed Haji Ismail telah menjaringkan 2 gol, manakala Awangku Yassin dan Awangku Madon menjaringkan 1 gol sa-saorang, bagi pasokan yang menang itu.



Gambar ramai guru2 dan murid2 S.O.A.S. College yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak pakaian beragam sabagai menyambut penggal ekhir persekolahan tahun 1960.

# BNAB anjur Dining In The Dark

Siaran Akhbar dan Infografik : Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

**GADONG**, Isnin, 11 Januari. - Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Association of the Blind - BNAB) akan mengadakan acara Makan Malam Dining In The Dark sempena Penubuhan BNAB Ke-20 dan Hari Braille Sedunia pada 3 Februari nanti bertempat di Pisuk Bapa, Tingkat 3, Wafa Hotel & Apartment, Annajat Complex, Beribi Gadong.

Sehubungan itu, pendaftaran bagi acara itu dibukakan mulai hari ini, 11 Januari hingga 22 Januari ini. Pendaftaran adalah dibukakan kepada orang ramai dengan tiket berharga BND35 setiap seorang.

Pendaftaran dan pembayaran bolehlah dibuat di Pejabat BNAB beralamat di Unit 8, Tingkat 1, Blok C2, Simpang 32-5, Kampung Anggerek Desa pada setiap Isnin hingga Khamis, mulai jam 10.00 pagi hingga 4.30 petang dan Jumaat, dari jam 2.00 petang hingga 6.00 petang.

Adapun tujuan acara ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap masalah penglihatan sebagai isu utama kesihatan awam antarabangsa, khususnya cara kehidupan seharian mereka daripada aspek pemakanan dan minuman.

Di samping itu juga, ia adalah bagi mengumpul dana yang akan digunakan bagi pembinaan bangunan kekal persatuan ini dan bagi membiayai perbelanjaan kegiatan yang akan dijalankan oleh persatuan ini di masa akan datang.

Hari Braille Sedunia (World Braille Day) pula disambut setiap tahun pada setiap 4 Januari. Hari Braille Sedunia disambut sempena hari kelahiran pencipta Braille, iaitu Louis Braille. Ia disambut bagi mengiktiraf sumbangan Louis Braille dalam membantu orang buta dan cacat penglihatan di seluruh dunia untuk membolehkan mereka membaca dan menulis dengan menggunakan Braille.

Agensi-agensi berkenaan di seluruh dunia menggunakan hari tersebut untuk mewujudkan dan meningkatkan lagi kesedaran tentang cabaran yang dihadapi oleh individu yang mempunyai masalah penglihatan dan menggalakkan pihak kerajaan atau swasta untuk membukakan peluang ekonomi, sosial dan pekerjaan bagi golongan ini.




Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung menerusi talian +673 2222056 atau +673 8604165 pada waktu bekerja atau layari laman sosial Facebook : *Brunei Darussalam National Association of The Blind* atau Instagram : *@bdnab.*

# Raikan pencapaian UNISSA melalui Program Hari Ukhuwwah





UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Persatuan Pelajar Kewangan dan Ekonomi Islam (iFESS) Sesi Akademik 2020 / 2021, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) mengadakan Program Hari Ukhuwwah, di Tapak Perkhemahan Hutan Simpan Berakas (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Persatuan Pelajar Kewangan dan Ekonomi Islam (iFESS) Sesi Akademik 2020 / 2021, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) baru-baru ini mengadakan Program Hari Ukhuwwah bertempat di Tapak Perkhemahan Hutan Simpan Berakas.

Lebih daripada 100 peserta yang melibatkan semua pensyarah, kakitangan dan mahasiswa serta mahasiswi Tahun 1 hingga 4 dari FEKIm menyertai program tersebut.

Hadir, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Tujuan program diadakan adalah untuk meraikan pencapaian yang telah dikecapi oleh FEKIm UNISSA di sepanjang tahun 2020, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara sesama warga.

Program seawal jam 8.30 pagi itu didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Unit Keugamaan iFESS, Awang Muhammad Wafiq bin Haji Marjuki, diikuti dengan aktiviti senamrobik.

Program tersebut juga diisikan dengan pelbagai aktiviti sukan berkumpulan, antaranya 'Amazing Race', aktiviti ramah mesra, yang kemudiannya diakhiri dengan penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Dekan FEKIm.



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis, Kumpulan Meraih Barkah



# Amalan jariah fokus utama Kumpulan Meraih Barkah

DIWUJUDKAN pada tahun 2014 iaitu pada bulan Ramadan 1435 Hijrah, Kumpulan Meraih Barkah (KMB) ditubuhkan dengan tujuan bagi mengajak para pencinta Al-Quran khususnya dan masyarakat amnya untuk menyuburkan lagi rasa cinta kepada kitab Allah bagi mendapatkan syafaatnya apatah lagi menyemarakkan pada bulan Ramadan dengan aktiviti-aktiviti yang berpandukan Al-Quran.

Idea itu timbul apabila Pengasas KMB, Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis berkunjung ke Serambi Mekah di Kelantan pada tahun 2013 pada akhir Ramadan 1434H, terpegun menyaksikan suasana Ramadan di sana yang bersemarak dengan aktiviti keagamaan berlangsung selama 24 jam di sepanjang Ramadan, ternyata menyuntik hatinya untuk membawa pengalaman ini ke negara sendiri.

Alhamdulillah hasrat ini mendapat restu daripada suami dan anak-anak tercinta, untuk mewakafkan 3,000 naskhah Al-Quran kepada mereka yang berjaya dan berusaha untuk menyemarakkan aktiviti pengajian 100 Kali Khatam pada bulan Ramadan. Tiga bulan sebelum menjelangnya Ramadan, pengasas membuat perjumpaan bersama beberapa pegawai berkenaan untuk membuat sepakat bagi melaksanakan Program Meniti Sinar Ramadan 1435H - Khatam 100 Kali.

Rancangan murni ini mendapat sambutan menggalakkan yang tidak disangka daripada para dermawan yang turut berwakaf bahkan turut sama membantu membuat persiapan penuh sedari awal ia dilaksanakan.

Rancangan asal hanya berwakaf 3,000 naskhah Al-Quran melonjak sehingga lebih 14 ribu naskhah berjaya dikumpulkan hasil daripada keprihatinan para pewakaf di seluruh Negara Brunei Darussalam yang sama-sama ingin meraih syafaat Al-Quran dan keberkatan bulan Ramadan.

Pengumpulan barangan wakaf ketika itu di kediaman Pengasas KMB sendiri dan saban hari dikunjungi oleh para sukarelawan yang tidak diundang tampil untuk membantu kerja-kerja seperti menampal stiker, menampal juzuk, pembahagian untuk daerah-daerah, sekolah-sekolah dan masjid-masjid. Berikutan sambutan di luar jangkaan ini, perancangan asal terpaksa dirombak dengan menghubungi pegawai daerah, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, pengetua sekolah di keempat-empat daerah untuk mengajak para pencinta Al-Quran, para guru dan para pelajar untuk menyemarakkan Ramadan dengan pembacaan Al-Quran dan khatam di sepanjang Ramadan dan menghadiahkan setiap pembaca dengan senaskhah Al-Quran.

Bukan mudah untuk melaksanakan kerja-kerja amal jariah yang berjaya menghimpunkan jumlah wakaf yang begitu besar namun kejayaan itu adalah niat kerana Allah iaitu berusaha untuk meraih syafaat Al-Quran dan mendapatkan keberkatan dan dengan keyakinannya begitu tinggi, di samping Allah membuka pintu hati para sukarelawan untuk tampil membantu memudahkan kerja penyelenggaraan termasuk kerjasama dari Kementerian Pertahanan iaitu melalui Tentera Udara Diraja Brunei untuk menghantar dengan menggunakan helikopter ke Daerah Temburong dan pengangkutan kenderaan darat ke Daerah Belait, Tutong termasuklah Bandar Seri Begawan.

Penutupan Program Meniti Sinar Ramadan 1435 Hijrah sama sekali tidak menduga dengan dihadiri seramai lebih 5,000 jemaah berduyun-duyun datang menyemarakkan Majlis 100 Kali Khatam Al-Quran.

## Perkembangan

Pada bulan Syawal kemudiannya, Pengasas KMB terus mengaturkan perancangan dengan mengajak para jemaah untuk memanjangkan lagi amal jariah wakaf Al-Quran dengan membentuk kumpulan menerusi aplikasi WhatsApp bagi menjayakan aktiviti pengajian 1 hari 1 muka surat dan melantik jawatankuasa kerja untuk memantau pengajian harian.

Alhamdulillah bertitik tolak dari sinilah, KMB berjaya mengembangkan aktiviti-aktiviti pengajian dengan membuka kelas-kelas pengajian di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian iaitu Universiti Brunei Darussalam, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Rimba, Sekolah Menengah Lambak Kiri yang merupakan pusat pengajian terawal yang memberikan kerjasama kepada KMB untuk menjayakan Majlis Ilmu.

Kelas yang dipimpin oleh guru-guru yang bertauliah dari MUIB telah banyak membantu para jemaah untuk membaiki bacaan Al-Quran, mendalami tafsir Al-Quran dan khatam. Kini Kelas Pengajian KMB telah pun berkembang sehingga ka Daerah Tutong.

Kejayaan KMB mengungkayahkan projek amal kebajikan itu berkembang lagi apabila bernaung di bawah badan-badan sukarelawan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. KMB bergerak dan menyusur sama dengan pihak kementerian bagi meneruskan usaha murni dalam merealisasikan harapan kerajaan bagi melahirkan badan sukarelawan yang berdaya maju serta menjadi platform ke arah menyumbangkan pembangunan ummah. Setiap tahun KMB tidak ketinggalan menyertai sambutan-sambutan hari kebesaran, seperti Sambutan Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan, Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa, Maulidur Rasul, Majlis Korban dan sering kali mengikuti aktiviti Bandarku Ceria bersama anak-anak yatim.

Keprihatinan KMB kepada anak-anak yatim, anak-anak kurang upaya dan anak-anak kurang berkemampuan, amat disanjung. Menurut pengasasnya, setiap tahun sebelum bermulanya persekolahan, KMB telah pun menyediakan terlebih awal bantuan peralatan persekolahan untuk diagihkan kepada anak-anak yatim di keempat-empat daerah.

Manakala pada musim cuti persekolahan, pelbagai aktiviti diatur antaranya membawa anak-anak ini mengadakan lawatan sambil belajar ke beberapa buah daerah, membuat aktiviti kerja tangan, riadah di Bandarku Ceria dan Taman Permainan Jerudong. Manakala pada bulan Ramadan pula, setiap hari jadual berbuka puasa diaturkan bagi anak-anak yatim.

Melalui kerjasama dengan pihak sekolah juga, KMB dapat menyalurkan bantuan keperluan kepada pelajar-pelajar tersebut sebagai galakan dan menunjukkan contoh teladan khususnya kepada penjaga-penjaga anak-anak yatim dan anak-anak kurang berkemampuan. Di sekolah-sekolah gandingan padu yang diwujudkan membuahkan hubungan yang erat apatah lagi dengan adanya keprihatinan KMB menyalurkan bantuan seperti membaik pulih bilik ibadat, mewakafkan alat penghawa dingin, membuat lebih banyak lagi saluran air untuk berwuduk, menyumbangkan pembesar suara, sejadah dan wakaf Al-Quran sebagai menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar disentap sekolah hendaklah menerapkan pengajian Al-Quran sebelum memulakan pembelajaran.

Bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, KMB juga dapat memanfaatkan kemudahan yang disediakan seperti mengadakan Majlis Ilmu, menyusur kawasan pedalaman, menjayakan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa dan memberikan kerjasama dan sumbangan pada saat negara kita dilanda pandemik COVID-19.

Selain memberikan sumbangan wakaf dalam negara, KMB jua prihatin ke atas musibah yang melanda di negara jiran seperti membantu mangsa-mangsa banjir di Kelantan, menyertai wakaf membina sekolah tahfiz, membina telaga, masjid. KMB juga sering diundang dan menerima tetamu dari luar negara.

Di sebalik kejayaan dan kerancakan KMB mengendalikan projek amal jariah, KMB juga tidak terlepas dari menghadapi ujian. Tahun 2015 ketika KMB diundang oleh Jawatankuasa Ramadan Kelantan, rombongan yang menyertai undangan, dilanda ribut ketika masih lagi berada di udara. Lebih setengah jam, berjuang menyelamatkan diri dengan doa, bacaan Al-Quran dan akhirnya bertawakal kepada Allah, Pengasas KMB melaungkan azan memohon semoga Allah kembalikan mereka dengan selamatnya. Alhamdulillah tragedi dilanda ribut menarik ramai masyarakat dalam dan luar negara menyertai KMB di bawah nama Kumpulan Meraih Barkah Satu Dunia. Dari sinilah wujudnya ukhuwah yang menghubungkan lebih ramai lagi para pencinta Al-Quran dan akan berkumpul disentap kali khatam diadakan dan akan diundang bila ada acara-acara keagamaan dilaksanakan.

Pada tahun 2019 sempena usianya yang Ke-5 tahun, impian KMB untuk khatam di tanah suci terlaksana dan mencatat sejarah membawa lebih 100 rombongan jemaah khatam di tanah suci Mekah dan Madinah. Selain menunaikan ibadat umrah, KMB berpeluang mengajak para dermawan menyumbangkan wakaf bagi keperluan di tanah suci.

## Harapan

Kini dalam melangkah tahun 2021, KMB berhasrat untuk melahirkan lebih ramai lagi kalangan mereka yang kurang berkemampuan untuk berusaha mempelajari, mengembangkan dan menjayakan impian mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Bagi para pencinta Al-Quran KMB juga beruntung kerana sentiasa mendapat kerjasama dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan untuk menghafaz, menghayati dan mendalami Al-Quran. Dengan usia yang semakin senja, para jemaah semakin gigih mengikut Kelas-kelas Fardu Ain, Fardu Kifayah dan Kelas Menghafaz Al-Quran, di samping menginfakkan rezeki yang ada untuk dijadikan amal jariah, buat bekalan ka alam barzakh.

Semoga usaha KMB mengajak lebih ramai lagi rakyat dan penduduk di negara ini melakukan kerja-kerja amal bagi meraih reda Allah akan dipermudahkan, dicontohi dan menjadi ikutan generasi akan datang, di samping mewujudkan keberkatan, keharmonian dan kesejahteraan di Negara Brunei Darussalam.

# 8 termasuk seorang kanak-kanak maut dalam kebakaran di Urals, Rusia

**MOSCOW**, 12 Jan. - Lapan orang termasuk seorang kanak-kanak maut dalam kebakaran di sebuah bangunan kediaman di Yekaterinburg, Urals di Rusia, kata jurucakap perkhidmatan kecemasan wilayah kepada Sputnik.

Laporan awal menyatakan kejadian berlaku pada pagi Selasa (12 Januari), di Jalan Rassvetnaya. Tingkat dua sebuah apartmen terbakar dan 90 orang terpaksa dipindahkan.

Seramai 30 anggota bomba dikerahkan ke lokasi kejadian, kata jurucakap itu. - ©BERNAMA

# Gempa berskala 5.9 gegar Yoichi, Jepun

**HONG KONG**, 12 Jan. - Gempa bumi berskala 5.9 menggegarkan 83 km NW dari Yoichi, Jepun pada 02:39:42 GMT Selasa, lapor Agensi Berita Xinhua.

Menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat, pusat gempa, dengan kedalaman 211.45 km, pada awalnya ditentukan pada 43.7027 darjah utara dan 139.9953 darjah timur. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 10 maut akibat salji lebat di Jepun

**TOKYO**, 12 Jan. - Jumlah korban akibat salji lebat di Jepun meningkat kepada 10 orang, sementara lebih 300 lagi cedera, lapor Agensi Berita Sputnik.

Empat kematian dilaporkan di wilayah Niigata dan 148 lagi cedera manakala di wilayah Fukui, 64 orang cedera, memetik penyiar NHK pada Selasa.

Di wilayah Toyama, yang menyaksikan buat pertama kali merekodkan salji setebal 100 sentimeter dalam tempoh 35 tahun, menyebabkan dua orang maut sementara 91 yang lain cedera.

Satu kematian turut dilaporkan di wilayah Ishikawa.

Minggu lalu, kawasan utara dan barat Jepun dilanda salji lebat yang turut mengakibatkan gangguan lalu lintas di banyak wilayah dan beberapa penerbangan terpaksa dibatalkan.

Perkhidmatan kereta api turut dilaporkan terjejas. - ©BERNAMA

# Setiausaha Agung PBB suara hasrat sedia berkhidmat untuk penggal kedua

**WASHINGTON**, 12 Jan. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres menyuarakan hasratnya bersedia menyandang jawatan itu untuk penggal kedua, lapor Agensi Anadolu.

Perkara itu dimaklumkan jurucakap Setiausaha Agung itu, Stephane Dujarric ketika ditemui pemberita di ibu pejabat PBB di New York.

"Setiausaha Agung bersedia menyandang jawatan itu untuk penggal kedua jika itu kehendak negara anggota," kata Dujarric.

Guterres memulakan penggal lima tahun pertamanya pada 2017 yang akan tamat hujung tahun ini. - ©BERNAMA

# Pesawat Sriwijaya Air tidak meletup ketika terhempas

BERITA GLOBAL

**JAKARTA**, 12 Jan. - Pesawat Sriwijaya Air yang terhempas Sabtu lepas dipercayai tidak meletup, sebelum terjunam ke dasar laut di perairan Kepulauan Seribu, Indonesia.

Ketua Komite Nasional Keselamatan Transportasi Indonesia Soerjanto Tjahjono dalam satu kenyataan berkata, ia berdasarkan terdapat serpihan-serpihan pesawat yang ditemui setakat ini itu berukuran melebihi 23 meter.

"Sebaran serpihan itu juga ditemui di sekitar lingkungan 400 meter di perairan berkenaan, dan pesawat tidak mengalami ledakan (letupan) sebelum membentur air (merempuh ke dalam air)," katanya.

Operasi pencarian pesawat itu memasuki hari keempat hari ini, yang memfokuskan kepada pencarian kotak hitam, yang dipercayai dapat membantu pihak berkuasa Indonesia mengenal pasti punca sebenar nahas berkenaan.

Sementara itu Direktur Operasi Badan Nasional Pencarian dan Pertolongan (BASARNAS) Brig Jen Rasman, dalam satu kenyataan berkata operasi pencarian hari ini itu melibatkan 2,600 anggota dan 53 buah kapal, yang turut dilengkapi peralatan 'Remotely Operated Underwater Vehicle' (ROV).

Sementara itu Menteri Perhubungan Indonesia Budi Karya Sumadi dalam satu kenyataan berkata, Rumah Sakit Polri (Polis Indonesia) di Kramat Jati, tempat pengumpulan cebisan-cebisan mayat yang ditemui, telah memperolehi semua 62 sampel 'asid deoxyribonucleic' keluarga mangsa.

Rumah Sakit atau hospital itu akan melakukan proses 'ante-mortem' dan 'postmortem' bagi mengenal pasti identiti mereka yang terkorban.

Penerbangan pesawat Boeing 737-500 Sriwijaya Air dari Jakarta ke Pontianak yang membawa 62 penumpang termasuk 12 anak kapal itu, terputus hubungan selepas berlepas jam 2.36 petang pada Sabtu, sebelum terhempas di perairan Kepulauan Seribu, Jakarta. - ©BERNAMA

# Indonesia beri permit penggunaan kecemasan vaksin Sinovac

**JAKARTA**,12 Jan. - Jabatan Petadbiran Penyeliaan Perubatan dan Makanan Indonesia mengumumkan akan memberi permit penggunaan vaksin COVID-19 Coronavac buatan Syarikat Sinovac China.

Dalam satu sidang media pada Isnin, ketua jabatan itu mendedahkan ujian klinikal peringkat ketiga vaksin tersebut yang dijalankan di Bandung sudah selesai.

Menurut jabatan berkenaan, keberkesanan vaksin tersebut didapati melebihi 50 peratus, iaitu jumlah piawaian ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Justeru, berdasarkan hasil ujian berkenaan dan ujian klinikal di Brazil serta Turki, pihaknya akan memberi permit penggunaan kecemasan kepada vaksin tersebut.

Terdahulu, Presiden Joko Widodo mengumumkan rakyat Indonesia akan disuntik vaksin COVID-19 bermula minggu ini.

Beliau berkata sekiranya prosedur vaksin diluluskan, kerajaan akan menyediakan vaksin kepada semua penduduk secara percuma.

Untuk rekod, pandemik COVID-19 masih menular di Indonesia mengakibatkan kes jangkitan baharu kekal tinggi dengan kes terkini dilaporkan sebanyak 8,692 dalam tempoh 24 jam lalu, menyaksikan jumlah kes keseluruhan mencatat 836,718 setakat ini. - ©BERNAMA

# Kejohanan liga hoki Malaysia 2021 tunda ke Julai atau Ogos ini

**KUALA LUMPUR**, 12 Jan. - Kejohanan Liga Hoki Malaysia (MHL) 2021 yang dijadualkan bermula Khamis ini, ditunda ke Julai atau Ogos depan.

Penangguhan itu diumumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Konfederasi Hoki Malaysia (KHM) Datuk Seri Anil Jeet Singh dalam satu sidang media di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, di sini hari ini.

Penundaan itu adalah selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula esok hingga 26 Jan ini.

Keputusan untuk menunda kejohanan itu juga dibuat selepas perbincangan bersama barisan Ahli Jawatankuasa Pertandingan, pengurus pasukan yang mengambil bahagian serta barisan Ahli Lembaga Eksekutif KHM.

"Mengikut perancangan Jawatankuasa Pertandingan, kami bercadang menganjurkan semula kejohanan tersebut pada bulan Julai atau Ogos, atau mana-mana tarikh yang bersesuaian di mana semuanya bergantung kepada situasi semasa.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada semua pasukan yang bertanding pada tahun ini kerana memberikan kerjasama yang cukup baik," katanya.

TNB MHL 2021 yang dijadualkan bermula pada 14 Jan hingga 20 Feb bagi kategori lelaki dan 20 Jan hingga 20 Feb bagi kategori wanita, sepatutnya menjadi kejohanan pertama dalam kalendar kejohanan KHM bagi tahun 2021. - ©BERNAMA

# Jumlah penduduk Taiwan menurun pada 2020

**TAIPEI**, 11 Jan. - Jumlah penduduk Taiwan mencatatkan penurunan pada 2020 buat pertama kali disebabkan penurunan kadar kelahiran, lapor Agensi Berita Xinhua, memetik Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebanyak 173,156 kematian dicatatkan pada tahun lalu berbanding hanya 165,249 bayi dilahirkan, menyebabkan penurunan populasi sebanyak 7,907, menurut statistik jabatan itu. Bilangan bayi baru lahir menurun sebanyak 12,518 atau 7.04 peratus daripada tahun sebelumnya.

Jumlah penduduk yang meninggal dunia pada 2020 turun 1.78 peratus berbanding 2019.

Pada 2019, Taiwan menyaksikan pertumbuhan penduduk sebanyak 1,471. Penghujung tahun lalu keseluruhan penduduk Taiwan ialah seramai 23.56 juta, turun 0.18 peratus tahun ke tahun. - ©BERNAMA

Pelita Brunei

BERITA GLOBAL

# Parti memerintah dahului pilihan raya parlimen Kazakhstan

**NUR SULTAN** (Kazakhstan), 11 Jan. - Parti pemerintah Kazakhstan menang besar dalam pilihan raya parlimen pada Ahad dengan memperoleh hampir 72 peratus undi, lapor Agensi Anadolu, memetik tinjauan.

Tinjauan oleh Institut Demokrasi menyatakan parti Nur Otan pimpinan bekas Presiden Nursultan Nazarbayev di tempat pertama dengan 72.1 peratus manakala Parti Demokratik Ak Zhol yang mendapat 10.27 peratus di kedudukan kedua dan Parti Rakyat Kazakhstan ketiga dengan 9.54 peratus undi. Sementara parti The Auyl People's Democratic Patriotic memperoleh 4.9 peratus undi dan parti Adal 3.25 peratus. Seramai 20,000 pengundi mengambil bahagian dalam tinjauan itu, kata laporan itu.

Hasil tinjauan Institut Penyelidikan Pendapat Umum Kazakhstan pula, parti Nur Otan memenangi hampir 71.97 peratus undi, Parti Demokratik Ak Zhol dan Parti Rakyat Kazakhstan masing-masing memperoleh 10.18 peratus dan 9.03 peratus manakala Parti The Auyl People's Democratic Patriotic mendapat 5.75 peratus dan parti Adal 3.07 peratus. Menurut Anadolu sekitar 12 juta pengundi berdaftar di negara ini mula mengundi pada pukul 7 pagi (0100GMT) waktu tempatan. Warganegara yang tinggal di luar negara turut mengundi pada masa yang sama. Pengundian ditutup pukul 8 malam waktu tempatan (1400GMT).

Berikutan pandemik COVID-19, pengundi di seluruh negara perlu mematuhi langkah-langkah pencegahan, mengambil suhu badan dan membersihkan tangan sebelum masuk ke pusat mengundi.

Pilihan raya itu dipantau hampir 400 pemerhati dari 30 negara dan 10 organisasi antarabangsa, termasuk delegasi dari Majlis Turki dan Majlis Parlimen Negara-negara Bertutur Bahasa Turki. Seramai 312 calon bersaing untuk merebut 107 kerusi di parlimen iaitu dari parti Nur Otan yang memerintah, Parti Demokrat Ak Zhol, Parti Patriotik Demokrat Auyl People dan parti Adal.

Parlimen Kazakhstan terdiri Dewan Senat dan Dewan Rakyat.

Menurut keputusan pilihan raya parlimen terakhir pada 2016, kadar keluar mengundi adalah 77.12 peratus, tambahnya. - ©BERNAMA

## Trump isytihar darurat di Washington

**WASHINGTON**, 12 Jan. - Presiden Donald Trump mengisytiharkan darurat di Washington D.C. menjelang pelantikan rasmi bakal Presiden Joe Biden yang dijadual 20 Januari ini, lapor Agensi Berita Sputnik.

"Hari ini, Presiden Donald J. Trump mengisytiharkan darurat di Washington (District of Columbia) dan memerintahkan Persekutuan membantu gerak kerja susulan Perasmian Presiden ke-59 dari 11 Januari hingga 24 Januari 2021," memetik kenyataan Rumah Putih pada Isnin.

Pada Isnin, media melaporkan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) memberi amaran protes bersenjata sedang dirancang di semua 50 ibu negara Amerika Syarikat (AS), termasuk bangunan Capitol, menjelang pelantikan rasmi presiden.

Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Agensi Pengurusan Kecemasan Persekutuan (FEMA) diberi kuasa untuk membantu memastikan keselamatan awam dan melindungi harta benda sebagai sebahagian usaha mengurangkan ancaman, menurut kenyataan itu.

Pada 6 Januari, sekumpulan penyokong setia Trump menyerbu bangunan Capitol, bertempur dengan polis dan merosakkan harta benda. Rusuhan itu tercetus selepas Trump mendesak penyokongnya untuk membantah apa yang didakwanya berlaku penipuan dalam pilihan raya. - ©BERNAMA

## China benar WHO buat siasatan mengenai asal usul COVID-19

**ANKARA**, 11 Jan. - Sekumpulan pakar asing dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dijadual ke China untuk menjalankan siasatan mengenai asal usul virus COVID-19.

Agensi Anadolu melaporkan 10 pakar itu dijadual akan mengunjungi Wuhan, bandar pertama virus berkenaan mula dikesan pada Disember 2019. Sejak itu virus sudah menjangkiti lebih 90 juta orang dan meragut lebih 1.9 juta nyawa di seluruh dunia.

Menurut Suruhanjaya Kesihatan Nasional China pakar WHO akan tiba pada Khamis dan "bekerjasama dengan pakar China untuk menyiasat asal usul COVID-19" memetik laporan Chinese Global Times. Rabu lalu, Beijing berkata rundingan dengan WHO mengenai perkara itu masih berlangsung.

"Tidak pernah ada masalah dalam kerjasama antara China dan WHO. Bukan hanya masalah visa, kedua-dua pihak turut berkomunikasi rapat mengenai tarikh dan rancangan khusus untuk lawatan pasukan China," kata jurucakap Kementerian Luar Hua Chunying.Kenyataan itu dikeluarkan sehari selepas Ketua Pengarah WHO Tedros Adhanom Ghebreyesus menyuarakan kekecewaannya terhadap China yang dikatakan tidak membenarkan pasukan pakar ke negara itu untuk menjalankan siasatan di lokasi. - ©BERNAMA

## Pengeluar tempatan dipelawa jadi pembekal rasmi perabot Sukan Olimpik Musim Sejuk Beijing

**BEIJING**, 11 Jan. - Jawatankuasa Sukan Olimpik Beijing pada Ahad mempelawa pengusaha perabot di China menjadi pembekal rasmi kelengkapan perabot untuk Sukan Olimpik dan Paralimpik Musim Sejuk Beijing.

Dalam satu kenyataan jawatankuasa itu berkata langkah tersebut bertujuan menarik modal dan penglibatan masyarakat dengan menyasarkan semua syarikat perabot harian dalam dan luar wilayah China yang berhasrat menjadi pembekal rasmi.

Syarikat tersebut perlu memenuhi syarat modal, produk dan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Sukan Olimpik dan Paralimpik Musim Sejuk Beijing, Jawatankuasa Sukan Olimpik China, delegasi atlet sukan olimpik China, Jawatankuasa Sukan Paralimpik China dan delegasi atlet sukan paralimpik China.

Selain itu, syarikat perlu mempunyai imej sosial, reputasi dan pencapaian yang baik, di samping mempunyai kemampuan kukuh daripada segi ekonomi, kewangan dan teknologi.

Syarikat yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Sukan Olimpik Musim Sejuk Beijing mulai 5 petang 22 Januari. - ©BERNAMA

## China seru wujudkan bumi yang harmoni dan inklusif

**BEIJING**, 12 Jan. - China menyeru dunia bersama-sama berusaha mewujudkan simbiosis antara manusia dengan alam sekitar, selain menjadikan bumi tempat yang bersih, indah, terbuka dan inklusif.

Naib Perdana Menteri China, Han Zheng berkata demikian dalam ucaptamanya sempena sidang kemuncak Satu Planet, bertemakan "Perlindungan Biodiversiti" secara maya pada Isnin.

Han turut menyeru semua pihak berganding bahu dan bertindak segera untuk memastikan hasil positif tercapai pada Persidangan ke-15 Negara-negara Anggota Konvensyen Kepelbagaian Biologi (COP15) yang bakal diadakan di Kunming, China bagi menegakkan Rangka Kerja Biodiversiti Global Pasca 2020 (GBF) dan menggariskan rangka tindakan perlindungan biodiversiti dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Tegas beliau, semua pihak perlu meningkatkan komunikasi untuk mewujudkan situasi sama menang; mengkaji dan menetapkan sasaran tindakan pasca 2020 secara saintifik bagi memastikan supaya ia rasional dan mampu dilaksanakan; selain meningkatkan mobilisasi sumber dan jaminan bagi meningkatkan keupayaan penguatkuasaan di negara-negara membangun.

Dalam perkembangan lain, Han turut mengumumkan hasil yang dicapai China dalam usaha perlindungan alam sekitar dengan langkah-langkah seperti membentuk sistem taman negara dan melaksanakan projek-projek utama untuk perlindungan biodiversity.

Untuk rekod, sidang kemuncak itu dianjurkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia dan Perancis pada 2017, dengan perbincangan menumpukan kepada agenda iklim global dan tadbir urus alam sekitar. - ©BERNAMA

## Uganda bakal anjur Kejohanan Badminton Antarabangsa pada Februari

**KAMPALA**, 11 Jan. - Persekutuan Badminton Dunia (BWF) memberi lampu hijau kepada Kejohanan Badminton Antarabangsa 2021 Uganda yang dijadualkan pada 25-28 Februari di ibu kota Kampala, kata seorang pegawai tertinggi sukan di sini pada Ahad.

Pengarah Eksekutif Persatuan Badminton Uganda Simon Mugabi, memberitahu Xinhua dalam satu temu bual kejohanan akan berlangsung dengan mematuhi langkah ketat pencegahan COVID-19.

"Musim 2020 sangat terkesan dengan beberapa acara di seluruh dunia dibatalkan kerana COVID-19. Kami gembira kerana dapat menjadi tuan rumah satu daripada kejohanan terbesar di Afrika pada suku pertama tahun ini," kata Mugabi.

Menurut beliau semua pemain dan pelawat yang hadir untuk kejohanan dibenarkan memasuki negara ini selepas mengemukakan keputusan ujian COVID-19 negatif yang dibuat dalam tempoh 72 jam sebelum berlepas ke Uganda.

Mugabi berkata ujian tersebut diwajibkan kepada semua penumpang yang masuk dan berlepas walaupun negara destinasi tidak memerlukannya.

Kejohanan Badminton Antarabangsa Uganda 2021 dikategorikan sebagai kejohanan Siri Antarabangsa, sebahagian rangking BWF dan siri Badminton Konfederasi Afrika, menurut Mugabi.

Beliau berkata kejohanan itu menampilkan perseorangan lelaki dan wanita, beregu lelaki dan wanita, dan beregu campuran, yang menawarkan hadiah wang tunai kepada pemenang setiap kategori.

Gergely Krausz dari Hungary dan Thet Htar Thuzar dari Myanmar masing-masing memenangi kategori perseorangan lelaki dan wanita dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa Uganda 2020. - ©BERNAMA

## Putin dijadual bertemu Aliyev, Pashinyan pada Isnin bincang isu Nagorno-Karabakh

**MOSCOW**, 11 Jan. - Presiden Rusia Vladimir Putin akan mengadakan perbincangan tiga hala pada Isnin dengan pemimpin Azerbaijan Ilham Aliyev dan Perdana Menteri Armenia Nikol Pashinyan di Moscow untuk tindakan susulan pelaksanaan perjanjian Nagorno-Karabakh, lapor Agensi Berita Sputnik.

Rundingan diusahakan Putin itu akan memfokuskan pada kemajuan dalam pelaksanaan kenyataan tiga hala 9 November mengenai Nagorno-Karabakh dan "langkah seterusnya untuk mengatasi masalah di wilayah itu," menurut Kremlin.

Kesemua pihak akan menumpukan bantuan kepada penduduk kawasan yang dilanda konflik, penarikan semula sekatan dan pembangunan hubungan perdagangan, ekonomi dan rangkaian pengangkutan, kata pejabat presiden Rusia. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# China keluarkan laporan kajian klinikal saringan sampel kanser serviks

**BEIJING**, 11 Jan. - Buat julung kalinya, China pada Ahad mengeluarkan laporan kajian klinikal saringan sampel kanser serviks yang diperoleh menerusi data dikumpulkan dari pelbagai pusat rawatan. Menurut hasil kajian tersebut, saringan awal kanser serviks dengan menggunakan kaedah ujian Virus Papiloma Manusia (HPV) terbukti amat berkesan dengan kos lebih berpatutan di institusi perubatan di bandar dan desa berdasarkan syarat keupayaan perkhidmatan yang ada di China ketika ini. Hasil kajian itu juga berjaya menyediakan bukti saintifik untuk pembasmian penyakit kanser serviks di China. Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China (NHC) turut memaklumkan bahawa perolehan hasil itu sekali gus menunjukkan keprihatinan kerajaan China terhadap usaha pencegahan dan rawatan kanser serviks.

Sejak 2009, usaha saringan kanser serviks dalam kalangan wanita di kawasan desa telah disenaraikan dalam projek perkhidmatan kesihatan awam utama negara untuk menggalakkan pemeriksaan di seluruh negara.

Setakat 2019, lebih 120 juta saringan secara percuma untuk mengesan kanser serviks telah dilakukan. Dalam perkembangan lain, Strategi Global untuk Mempercepat Langkah Pembasmian Kanser Serviks yang dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada November 2020 mencadangkan komitmen global terhadap matlamat berperingkat untuk membasmi penyakit itu menjelang 2030.

Menurut pakar China dalam bidang itu, morbiditi dan kadar kematian kanser serviks agak tinggi di China.

Justeru, kajian klinikal saringan sampel kanser dikumpulkan dari pelbagai pusat rawatan amat penting bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi ketika usaha saringan dibuat terhadap wanita mengikut umur yang sesuai. - ©BERNAMA

# Filipina sasar mulakan program vaksin pada Februari

**JAKARTA**, 11 Jan. - Filipina dijangka memulakan program vaksinasi COVID-19 pada bulan depan melalui kemudahan COVAX, platform global yang dibentuk untuk memastikan golongan paling memerlukan mendapat akses kepada vaksin.

"Permohonan untuk senarai kelayakan akan dibuat pada 18 Januari. Jika diluluskan atau kami disenaraikan, mungkin akan ada penyerahan sama ada vaksin Pfizer atau AstraZeneca," kata penasihat kepada presiden Carlito Galvez Jr. memetik akhbar Phil Star, lapor Agensi Anadolu pada Isnin. Di bawah inisiatif yang diterajui Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), setiap negara akan mendapat dos vaksin untuk 20 peratus penduduk pada fasa awal. Dua pengeluar vaksin COVID-19 Pfizer dan AstraZeneca dari Oxford juga telah meminta persetujuan untuk melancarkan program vaksin di Filipina, setakat ini belum ada sebarang kelulusan.

Sementara itu pada Sabtu Filipina turut memeterai perjanjian dengan Institut Serum India dan Faberco Life Sciences, Inc. untuk mendapatkan 30 juta dos vaksin COVID-19 Covovax.

Galvez mengatakan Filipina akan mendapatkan 30 hingga 40 juta dos vaksin dari Novavax yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) dan bakal dibangunkan bersama dengan Institut Serum India.

Vaksin itu sedang menjalani percubaan klinikal fasa tiga, di United Kingdom, AS dan Mexico. - ©BERNAMA

# Gorila di Zoo San Diego AS positif COVID-19

**LOS ANGELES**, 12 Jan. - Beberapa gorila di Taman Safari Zoo San Diego di California, Amerika Syarikat (AS), positif COVID-19, mungkin kejadian pertama membabitkan penularan terhadap spesies beruk besar, lapor Agensi Berita Xinhua menurut pegawai zoo pada Isnin.

Pegawai pengendali Zoo dan Taman Safari Zoo San Diego, dalam satu kenyataan berkata mereka menguji sampel najis gorila melalui Sistem Makmal Kesihatan Haiwan dan Keselamatan Makanan California selepas dua ekor gorila mengalami batuk pada 6 Januari.

Makmal Perkhidmatan Veterinar Nasional Jabatan Pertanian AS pada Isnin mengesahkan keputusan positif. Hasil ujian mendapati kewujudan SARS-CoV-2, virus penyebab COVID-19, pada beberapa gorila dan tidak menolak kemungkinan kehadiran virus pada gorila lain dalam kumpulan haiwan itu, menurut kenyataan itu.

"Selain mengalami selesema dan batuk, gorila tersebut dalam keadaan baik," kata Pengarah Eksekutif Taman Safari Zoo San Diego Lisa Peterson, sambil menambah gorila tersebut tetap dikuarantin bersama.

Menurut beliau, haiwan itu disyaki dijangkiti daripada petugas yang tidak mempunyai gejala, sungguhpun semua langkah berjaga-jaga dengan mematuhi protokol keselamatan COVID-19 kesihatan awam telah diambil.

"Kajian penyelidikan mengesahkan beberapa primat bukan manusia terdedah kepada jangkitan SARS-CoV-2, tetapi ini adalah contoh pertama penularan semula jadi kepada beruk besar dan tidak diketahui sama ada ia akan mengalami tindak balas serius," kata pegawai. Taman Safari Zoo San Diego, tarikan utama pelancong di daerah ini, ditutup kepada umum sejak 6 Disember 2020.

Terdapat laporan mengenai haiwan yang dijangkiti COVID-19 di seluruh dunia. Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit AS (CDC) di laman web rasminya menyatakan terdapat risiko manusia menyebarkan virus COVID-19 kepada haiwan dan kes pertama haiwan disahkan positif di AS membabitkan seekor harimau di sebuah zoo di New York. - ©BERNAMA

# Presiden Portugal positif COVID-19

**MADRID**, 12 Jan. - Presiden Portugal Marcelo Rebelo de Sousa disahkan dijangkiti COVID-19 walaupun tidak menunjukkan sebarang gejala, lapor Agensi Berita Sputnik.

Beliau menjalani ujian saringan pada semalam dan hasilnya negatif tetapi hasil ujian PCR yang lain adalah positif, memetik laman web presiden. Sehubungan itu semua acara yang dijadual membabitkan presiden dibatalkan. Pilihan raya Presiden akan berlangsung pada 24 Januari dan Sousa, 72, berhasrat untuk mempertahankan jawatannya. - ©BERNAMA

# KKM, Pfizer meterai perjanjian keluar dan bekal vaksin COVID-19 di Malaysia

**PUTRAJAYA**, 11 Jan. - Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Kesihatan, hari ini memeterai perjanjian dengan Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd bagi mengeluarkan dan membekalkan vaksin COVID-19 Pfizer di negara ini.

Perjanjian itu merupakan lanjutan kepada perjanjian "Binding Heads of Terms" (perjanjian awal untuk mengikat terma-terma) yang ditandatangani pada 24 Nov lalu.

Perjanjian dimeterai secara telesidang oleh Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba yang mewakili kerajaan Malaysia dan Pengurus Negara Pfizer (Malaysia dan Brunei) Luksanawan Thangpaibool bagi pihak Pfizer. Perjanjian disaksikan oleh Ketua Pasaran Baru Muncul Asia Pfizer Anil Argilla.

Berucap pada majlis itu, Dr Adham berkata kerajaan Malaysia menghargai sokongan yang diberi oleh Pfizer dan berharap bekalan vaksin akan tiba di negara ini lebih awal daripada jangkaan.

Argilla pula berkata Pfizer komited untuk memastikan bukan sahaja akses kepada vaksin tetapi juga bekerja bersama bagi mengakhiri pandemik.

"Ini merupakan satu langkah ke depan yang memberikan keupayaan untuk mengawal dan juga kemungkinan menamatkan terus penularan pandemik ini di Malaysia," katanya. - ©BERNAMA

# WHO jangka vaksin dapat diagihkan kepada semua pada Februari

**GENEVA**, 12 Jan. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Isnin menyeru komitmen semua pihak untuk tempoh 100 hari akan datang bagi memastikan vaksinasi COVID-19 terhadap pekerja kesihatan dan golongan berisiko tinggi di semua negara dapat dimulakan. Pada satu sidang webinar mingguan, Ketua Pengarah WHO, Tedros Ghebreyesus berkata setahun lalu, kematian pertama COVID-19 dilaporkan, lapor Agensi Anadolu.

"Setahun kemudian, terdapat hampir dua juta kematian akibat COVID-19, dan sementara berharap vaksin yang selamat dan berkesan dilancarkan, kami mahu ia disegerakan dan vaksin akan diperuntukkan secara adil pada beberapa minggu akan datang.

"Saya meminta komitmen bersama agar dalam 100 hari ke depan, vaksinasi untuk pekerja kesihatan dan mereka yang berisiko tinggi di semua negara dapat diagihkan," katanya.

Penasihat kanan WHO, Dr. Bruce Aylward, berkata: "Lebih 40 negara telah memulakan vaksinasi COVID-19. Namun, setakat ini hampir kesemuanya adalah di negara berpendapatan tinggi atau berpendapatan sederhana.

"Kita harus melihat vaksin digunakan di negara berpendapatan rendah dan menengah."

"Lebih 40 negara sekarang mulai melakukan vaksinasi COVID-19 dengan menggunakan lima vaksin berbeza.

Menurutnya WHO sedang berusaha mempercepat pelaksanaan vaksin melalui kemudahan COVAX, bagi mendapatkannya untuk negara-negara Advance Market Commitment (AMC) berpendapatan rendah dan menengah, 92 negara di Afrika, Amerika dan Asia. Aylward berkata WHO berharap ia dapat dilakukan pada Februari namun memerlukan kerjasama pengeluar vaksin untuk mengutamakannya. Beliau menambah terdapat juga keperluan untuk kerjasama dan bantuan kewangan.

"Kami memerlukan kerjasama pembekal utama untuk memastikan kami memiliki data yang diperlukan dan vaksin ini dapat memenuhi semua kriteria keberkesanan, keselamatan dan kualiti." - ©BERNAMA

Pelita Brunei

# Sukan

## INFO SUKAN

LUMBA Perahu merupakan salah satu sukan air yang mempunyai nilai sejarah dan budaya kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam terutama sekali bagi mereka yang berasal dari Kampong Ayer. Sukan ini juga boleh menarik pelancong dari luar negara dan dari dalam negara kerana ia diangkat sebagai salah satu sukan kebangsaan.

ePaper Pelita Brunei

# Tarik kalat terus diminati



TIMBALAN Presiden Pasukan Tarik Kalat ChainBlock, Awang Hussin bin Awang Haji Yahya yang juga Jurulatih Tarik Kalat Kebangsaan semasa ditemu bual (kiri). Manakala gambar atas, tarik kalat merupakan sukan tradisi yang membina ketahanan fizikal dan mental para penariknya.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**GADONG**, Selasa, 12 Januari. - Permainan tarik kalat bukanlah satu sukan yang baharu bagi Negara Brunei Darussalam, malah ia merupakan sukan tradisi yang sudah lama terpahat dalam jiwa dan sanubari penggemar sukan tersebut.

Bukan itu sahaja, sukan ini dilihat sebagai lambang budaya dan saluran yang cekap dalam mendekatkan kepelbagaian masyarakat dan nilai budaya di negara ini, sekali gus membina ketahanan fizikal dan mental para penariknya.

Apa yang menariknya, sukan ini mampu bertahan sehingga kini, malah penggemar sukan ini mampu pergi lebih jauh dengan menarik ramai golongan belia dan muda untuk terus menyukai dan menjadikan ia sebagai salah satu hobi.

Mereka yang menyaksikan permainan ini pastinya terhibur dengan aksi penarik-penariknya yang sangat bersungguh-sungguh dan mencuit hati apabila melihat mereka berusaha berlawan dan menjayakan sukan tersebut dalam mana-mana perlawanan, pertandingan atau persembahan.

Permainan tarik kalat juga merupakan antara sukan yang digemari oleh raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengimbau kenangan sukan tarik kalat ini, Pelita Brunei menjejaki pasukan tarik kalat kebangsaan negara yang bernaung di bawah ChainBlock, di mana Timbalan Presiden Pasukan Tarik Kalat ChainBlock, Awang Hussin bin Awang Haji Yahya yang juga Jurulatih Tarik Kalat Kebangsaan semasa ditemu bual di Padang Bandaran Gadong menyatakan bahawa ChainBlock mula ditubuhkan pada tahun 2000, yang kini berusia 21 tahun.

Pada awal usianya, ChainBlock dinamakan dengan SILA 9000 sebelum ia diubah menjadi ChainBlock pada tahun 2007 dengan keramaian seramai 200 orang ahli termasuk dari Limbang, Sarawak dan Marudu, Sabah.

Menyentuh mengenai ChainBlock, khususnya sukan tarik kalat, beliau seterusnya menjelaskan pada tahun ini, pasukannya merancang dan berazam untuk mempertingkatkan lagi latihan dari segi stamina, teknik dan tenaga perseorangan mahupun berkumpulan.

Tambahnya lagi, tarik kalat ChainBlock akan sentiasa mengikuti perlawanan-perlawanan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak sama ada dalam negara mahupun luar negara, tergantung kepada situasi pandemik COVID-19.

"Kami akan mengadakan perundingan bersama Ahli-ahli Komiti ChainBlock untuk mengadakan latihan tarik kalat persahabatan pada tahun ini," ujarnya.

Beliau turut mengongsikan pasukannya telah pun menjadi juara lima tahun berturut-turut di dalam kejohanan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Peringkat Kebangsaan juga juara kesemua Kategori Remaja Di Bawah Umur 19 Tahun bagi Kategori 560 Kilogram (kg) dan 680kg pada tahun 2019.

Lain-lain pencapaian dan kejayaan dalam sukan tarik kalat terangnya, iaitu juara anjuran Fire Bravo & KB Bull pada tahun 2018; juara dan naib juara yang dianjurkan oleh HIGHLANDER pada tahun 2018; tersenarai enam teratas bagi kejohanan Open Antarabangsa di Kuala Lumpur, 2019; tempat ketiga di kejohanan Open Antarabangsa di Limbang Sarawak 2019; dan juara dalam Perlawanan Muhibbah di Kedutaan Malaysia di negara ini pada September 2020.

Menurutnya, sukan tarik kalat meliputi lapan orang penarik bagi setiap pasukan dan seorang pula adalah penarik simpanan.

Antara kriteria bagi seorang yang ingin menjadi *puller* T. O. W ialah memilki semangat juang yang sangat tinggi, tidak mahu kalah walaupun dalam apa juga keadaan; mempunyai disiplin yang baik; menerima segala teguran dengan terbuka dan juga memiliki stamina yang merupakan kunci utama yang diperlukan bagi seseorang penarik.

Di negara ini, pasukan-pasukan tarik kalat di keempat-empat daerah, seperti KB Bull Brothers dari Daerah Belait; Gabungan Puak Brunei dari Daerah Tutong; MG 5 dan Belia-belia Temburong dari Dearah Temburong; dan MB Athelet, HSN & Fitness, New Anak Brunei, SPSS Company dari Daerah Brunei dan Muara masih lagi mengekalkan sukan tradisional ini.

Justeru, beliau berhasrat dan berharap agar sukan tarik kalat ini terus diberikan pendedahan dan peluang kepada pelajar-pelajar institusi pendidikan tinggi, sekolah-sekolah dan maktab-maktab untuk mengembangkan bakat, kemahiran dan ketangkasan dalam sukan berkenaan.

Ke arah itu, mana-mana individu atau orang ramai yang berhasrat untuk menyertai atau menjadi ahli tarik kalat, boleh menghubungi terus Awang Jasni bin Haji Johari menerusi talian +673 7159888.

# Kisona langkah ke pusingan kedua selepas Saina positif COVID-19

**KUALA LUMPUR**, 12 Jan. - Pemain perseorangan wanita negara S. Kisona melangkah ke pusingan kedua Terbuka Thailand tanpa perlu mengeluarkan peluh, selepas lawannya Saina Nehwal dari India diuji positif COVID-19.

Kisona, 22, yang pada mulanya ke Bangkok sebagai teman latihan kepada rakan senegara Soniia Cheah, menyertai kejohanan itu selepas penarikan diri pemain Thailand Nitchaon Jindapol akibat kecederaan, pada mulanya akan berhadapan Saina bekas pemain nombor satu dunia itu, pada perlawanan pembukaan hari ini.

Persekutuan Badminton Dunia (BWF) mengesahkan yang Saina dan suaminya Kashyap Parupalli yang memberikan kemenangan percuma kepada pemain Kanada Jason Anthony Ho-Shue berikutan COVID-19, tanpa menamakan mereka yang dijangkiti.

"Seorang pemain India, positif dan kini dalam pengasingan untuk minima 10 hari di hospital. Pemain itu akan diuji lagi hari ini juga. Perlawanan melibatkan pemain ini dan teman sebiliknya, diisytiharkan menang percuma," menurut BWF dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun Persatuan Badminton India menerusi Facebook mengenal pasti Saina pemenang pingat Olimpik itu, sebagai individu yang positif COVID-19 dalam ujian yang dijalankan di Bangkok.

Pada pusingan kedua Kisona, pemenang pingat emas Sukan SEA 2019 dan berkedudukan ke-92 dunia, akan bertemu Busanan Ongbamrungphan (Thailand) yang menewaskan Sabrina Jaquet (Switzerland) 21-16, 21-7.

BWF berkata, keseluruhan pasukan India telah dikategorikan sebagai berisiko tinggi oleh pihak berkuasa kesihatan Thailand, dan kesemua pemain dan pengiring pasukan menjalani kuarantin kendiri di bilik hotel masing-masing dan dikenakan ujian PCR hari ini.

"Setiap individu akan dikenakan ujian harian, sehingga tempoh yang dimaklumkan kelak oleh Jabatan Kawalan Penyakit Berjangkit, namun pemain akan dibenarkan untuk terus bermain apabila ujian adalah negatif. Pemain India yang dijadualkan bermain hari ini akan dibenarkan masuk ke venue. Tiada jurulatih, pengurus atau anggota dari pasukan India dibenarkan masuk," menurut badan dunia itu.

Sementara itu beregu lelaki negara Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Mohd Rumsani juga melangkah ke pusingan kedua, selepas menewaskan pasangan Korea Selatan Ko Sung Hyun/Shin Baek Cheol 21-16, 19-21, dan 21-11.

"Kami bermain mengikut strategi, kami berbincang dengan jurulatih dan berusaha untuk menang dan tidak membenarkan mereka menyerang. Kami mempunyai beberapa perkara yang perlu diperbaiki dalam perlawanan selanjutnya, perlu lebih konsisten kerana saya rasakan saya buat banyak kesilapan, tetapi gembira untuk terus bermain," kata Goh. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LINDUNGI ALAM SEKITAR DARIPADA PENCEMARAN

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam